PENGUATKUASAAN MARITIM (T)	159	Pegawai Penguat Kuasa Maritim	Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
	160	Pegawai Lain-Lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim	
PERUBATAN DAN KESIHATAN (U)	161	Pengajar	Ketua Pengarah Kesihatan
	162	Pegawai Dietetik	
	163	Pegawai Farmasi	
	164	Pegawai Optometri	
	165	Pegawai Pemulihan Perubatan	

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	NAMA SKIM PERKHIDMATAN		KETUA PERKHIDMATAN
	166	Pegawai Pergigian	Ketua Pengarah Kesihatan
	167	Pegawai Perubatan	
	168	Penolong Pegawai Farmasi	
	169	Penolong Pegawai Perubatan	
	170	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/Pegawai Kesihatan Persekitaran	
	171	Jururawat	
	172	Jurupulih Perubatan	
	173	Juruteknik Perubatan	
	174	Juruteknologi Makmal Perubatan	
	175	Juruteknologi Pergigian	
	176	Juruterapi Pergigian	
	177	Juru X-Ray	
	178	Jururawat Masyarakat	
	179	Pembantu Kesihatan Awam	
	180	Pembantu Pembedahan Pergigian	
	181	Pembantu Perawatan Kesihatan	
KEWANGAN (W)	182	Akauntan	Akauntan Negara
	183	Penolong Akauntan	
	184	Pembantu Akauntan	
	185	Juruaudit	Ketua Audit Negara
	186	Penolong Juruaudit	
	187	Pembantu Juruaudit	
	188	Pegawai Penilaian	Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta
	189	Penolong Pegawai Penilaian	
	190	Pembantu Penilaian	

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	NAMA SKIM PERKHIDMATAN		KETUA PERKHIDMATAN
	191	Penguasa Kastam	Ketua Pengarah Kastam
	189	Penolong Penguasa Kastam	
	190	Pembantu Penguasa Kastam	
	194	Pembantu Tadbir (Kewangan)	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
			Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian Kesihatan Malaysia sahaja)
			Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia sahaja)
POLIS (Y)	195	Pegawai Kanan Polis	Ketua Polis Negara
	196	Pegawai Rendah Polis dan Konstabel	
	197	Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli	
ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (Z)	198	Pegawai Angkatan Tetap, Angkatan Tentera Malaysia	Panglima Angkatan Tentera
	199	Askar Laskar Angkatan Tetap, Angkatan Tentera Malaysia	

LAMPIRAN C2

KETUA PERKHIDMATAN MENGIKUT BIDANG PENGKHUSUSAN

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	BIDANG PENGKHUSUSAN	KETUA PERKHIDMATAN
1	Pegawai Sains	(a) Kesihatan (i) Fizik (ii) Mikrobiologi (iii) Kaji Serangga (iv) Kimia Hayat (v) Pemakanan (vi) Genetik (vii) Embriologi (viii) Forensik (ix) Biomedikal	Ketua Pengarah Kesihatan
		(b) Nuklear	Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Atom
		(c) Kimia	Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia
		(d) Sains, Teknologi dan Inovasi	Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
			Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia (Jabatan Standard Malaysia sahaja)
		(e) Lain-lain	Ketua Jabatan masing-masing
2	Penolong Pegawai Sains	(a) Kesihatan (i) Fizik (ii) Mikrobiologi (iii) Kaji Serangga (iv) Kimia Hayat (v) Pemakanan (vi) Genetik (vii) Embriologi (viii) Forensik (ix) Biomedikal	Ketua Pengarah Kesihatan
		(b) Nuklear	Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Atom
			Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	BIDANG PENGKHUSUSAN	KETUA PERKHIDMATAN
		(c) Kimia	Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia
		(d) Sains, Teknologi dan Inovasi	Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
			Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia (Jabatan Standard Malaysia sahaja)
		(e) Lain-lain	Ketua Jabatan masing-masing
3	Pembantu Makmal	(a) Nuklear	Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Atom
			Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia
		(b) Kimia	Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia
		(c) Sains, Teknologi dan Inovasi	Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
			Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia (Jabatan Standard Malaysia sahaja)
		(d) Pengajian Tinggi	Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi
		(e) Pelajaran	Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
		(f) Lain-lain	Ketua Jabatan masing-masing

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	BIDANG PENGKHUSUSAN	KETUA PERKHIDMATAN
4	Jurutera	(a) Kesihatan (i) Awam (ii) Kesihatan Umum (iii) Elektronik (iv) Elektrikal (v) Jentera (vi) Mekanikal (vii) Biomedikal	Ketua Pengarah Kesihatan
		(b) Pengairan dan Saliran (i) Awam – <i>sumber air, sumber air, hidrologi, sungai, pantai, saliran mesra alam, pengairan, saliran pertanian, banjir, rekabentuk, pembinaan dan penyelenggaraan bangunan dan jambatan, kejuruteraan struktur, geoteknik, jalan (termasuk ladang dan luar bandar), hidraulik, empangan dan teknologi bahan binaan;</i> (ii) Mekanikal - <i>sumber air, hidraulik, system automasi/SCADA/telemetrik, pengorekan dan penggerudian air tanah, bangunan dan mekatronik; dan</i> (iii) Elektrikal - <i>kuasa, elektronik (perhubungan, komunikasi/radar), sistem automasi/SCADA/telemetrik, penjimatan tenaga elektrik, sumber tenaga asli, perkakasan dan pemasangan</i>	Ketua Pengarah Pengairan dan Saliran
		(c) Kerja raya (i) Awam (ii) Elektrikal (iii) Mekanikal	Ketua Pengarah Kerja Raya
		(d) Komunikasi dan Multimedia	Ketua Pengarah Penyiaran Malaysia

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	BIDANG PENGKHUSUSAN	KETUA PERKHIDMATAN
		(e) Pembetulan	Ketua Setiausaha Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
		(f) Automotif	Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia
		(g) Pengurusan Sisa Pepejal	Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
		(h) Lain-lain	Ketua Jabatan masing-masing
5	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/ Penolong Jurutera	(a) Kesihatan (i) Awam (ii) Kesihatan Umum (iii) Elektronik (iv) Elektrikal (v) Mekanikal	Ketua Pengarah Kesihatan
		(b) Pengairan dan Saliran (i) Awam - <i>sumber air, hidrologi, sungai, pantai, saliran mesra alam, pengairan, saliran pertanian, banjir, rekabentuk, pembinaan dan penyelenggaraan bangunan dan jambatan, kejuruteraan struktur, geoteknik, jalan (termasuk ladang dan luar bandar), hidraulik, empangan dan teknologi bahan binaan;</i> (ii) Mekanikal - <i>sumber air, hidraulik, sistem automasi/SCADA/telemetrik, pengorekan dan penggerudian air tanah, bangunan dan mekatronik; dan</i> (iii) Elektrikal - <i>kuasa, elektronik (perhubungan, komunikasi/radar), system automasi/SCADA/telemetrik, penjimatan tenaga elektrik, sumber tenaga asli, perkakasan dan pemasangan.</i>	Ketua Pengarah Pengairan dan Saliran

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	BIDANG PENGKHUSUSAN	KETUA PERKHIDMATAN
		(c) Kerja raya (i) Awam (ii) Elektrikal (iii) Mekanikal	Ketua Pengarah Kerja Raya
		(d) Komunikasi dan Multimedia	Ketua Pengarah Penyiaran Malaysia
		(e) Pembetulan	Ketua Setiausaha Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
		(f) Automotif	Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia
		(g) Pengurusan Sisa Pepejal	Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
		(h) Lain-lain	Ketua Jabatan masing-masing

LAMPIRAN D

Bil.	Perkara	Lampiran	Muka Surat
1.	Jadual Gaji Minimum-Maksimum Bagi: - Kumpulan Pengurusan Dan Profesional - Kumpulan Pelaksana	D1	1 2
2.	Gambar Rajah Pelaksanaan Pemberian PGT	D2	3
3.	Simulasi Pemberian Pelarasan Gaji dan PGT	D3	4 - 13
4.	Simulasi Gaji Bagi Pegawai Yang Menerima Opsyen SSPA dan Memenuhi Syarat Opsyen	D3-1	4
5.	Simulasi Gaji Bagi Pegawai Yang Menerima Opsyen SSPA Tetapi Belum Memenuhi Syarat Opsyen	D3-2	5
6.	Simulasi Gaji Bagi Pegawai Yang Menerima Opsyen SSPA Pelarasan Gaji Fasa 1 (RM240) dan Fasa 2 (7%).	D3-3	6
7.	Simulasi Gaji Bagi Pegawai Yang Menerima Opsyen SSPA Pelarasan Gaji Fasa 1 (8%) dan Fasa 2 (7%)	D3-4	7
8.	Simulasi Gaji Bagi Pegawai Yang Menerima Opsyen SSPA Tetapi Belum Memenuhi Syarat Opsyen (Sehingga Memenuhi Syarat Opsyen)	D3-5	8
9.	Simulasi Gaji Bagi Pegawai Yang Dilantik Selepas 1 Disember 2024	D3-6	9
10.	Simulasi Gaji Bagi Pegawai Yang Dinaikkan Pangkat Pada Tarikh Pelarasan Gaji	D3-7	10
11.	Simulasi Gaji Bagi Pegawai Yang Berada Di Gaji Maksimum Dan PGT Menggunakan Kadar KGM	D3-8	11
12.	Simulasi Gaji Bagi Pegawai Yang Menghampiri Gaji Maksimum [Amaun Perbezaan Antara Gaji Hakiki Dengan Gaji Maksimum Adalah Kurang Daripada Kadar Satu (1) KGT]	D3-9	13

LAMPIRAN D1

**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM
BAGI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
MULAI 1 DISEMBER 2024**

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KGT*	KADAR KGM
	(RM SEBULAN)		(RM)	
15	7,030.00	16,350.00	400.00	374.25
14	6,560.00	15,360.00	320.00	362.13
13	6,210.00	14,370.00	290.00	339.96
13P	4,430.00	13,640.00	280.00	322.17
12	5,530.00	13,540.00	270.00	320.25
11	3,320.00	12,760.00	255.00	302.25
10	3,840.00	12,150.00	250.00	286.80
9	2,250.00	11,110.00	225.00	262.68

***Nota:**

Selaras dengan perenggan 52, pegawai yang sedang menerima kadar KGT yang lebih tinggi daripada kadar KGT berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024 akan kekal menggunakan kadar KGT tersebut secara Khas Untuk Penyandang (KUP).


**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM
BAGI KUMPULAN PELAKSANA
MULAI 1 DISEMBER 2024**

GREDE GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KGT*	KADAR KGM
	(RM SEBULAN)		(RM)	
8	5,390.00	10,590.00	225.00	249.18
7	3,810.00	9,290.00	180.00	218.70
6	3,080.00	8,560.00	155.00	206.55
5	1,650.00	6,620.00	145.00	155.19
4	2,930.00	6,410.00	130.00	152.76
3	2,790.00	6,090.00	125.00	143.76
2	2,220.00	5,770.00	115.00	136.02
1	1,500.00	4,680.00	100.00	109.56

***Nota:**


Selaras dengan perenggan 52, pegawai yang sedang menerima kadar KGT yang lebih tinggi daripada kadar KGT berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024 akan kekal menggunakan kadar KGT tersebut secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

GAMBAR RAJAH PELAKSANAAN PEMBERIAN PGT



SIMULASI GAJI BAGI PEGAWAI YANG MENERIMA OPSYEN SSPA DAN MEMENUHI SYARAT OPSYEN

Skim Perkhidmatan Asal	: Pembantu Operasi Gred N11
Skim Perkhidmatan Baharu	: Pembantu Khidmat Am Gred H1
Tarikh Kuat Kuasa Pelarasan Gaji	: 1 Disember 2024 (Fasa 1) / 1 Januari 2026 (Fasa 2)
TPG Asal	: 1 Januari
TPG Baharu	: 1 Oktober
Gaji hakiki pada 30 November 2024	: RM1,216.00
JGMM Gred N11	: RM1,216.00 - RM2,983.00
KGT Gred N11	: RM80.00
JGMM Gred 1	: RM1,500.00 - RM4,680.00
KGT Gred 1	: RM100.00



*Nota:

TPG pegawai ditetapkan pada 1 Oktober tahun berikutnya mulai tahun 2025.

**SIMULASI GAJI
BAGI PEGAWAI YANG MENERIMA OPSYEN SSPA TETAPI BELUM
MEMENUHI SYARAT OPSYEN**

Skim Perkhidmatan Asal	: Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11
Skim Perkhidmatan Baharu	: Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U1
Tarikh Kuat Kuasa Pelarasan Gaji	: 1 Disember 2024 (Fasa 1) / 1 Januari 2026 (Fasa 2)
TPG Asal	: 1 April
TPG Baharu	: 1 Oktober
Tarikh pegawai memenuhi syarat	: 26 Mei 2030
Gaji hakiki pada 30 November 2024	: RM1,204.00
JGMM Gred U11	: RM1,204.00 – RM3,001.00
KGT Gred U11	: RM80.00



Nota:

- i. Gaji pegawai dipindah ke GPT atas JGMM asal selepas pelarasan gaji Fasa 1.
- ii. TPG pegawai mulai tahun 2025 ditetapkan pada 1 Oktober.

SIMULASI GAJI
BAGI PEGAWAI YANG MENERIMA OPSYEN SSPA
PELARASAN GAJI FASA 1 (RM240) DAN FASA 2 (7%)

Skim Perkhidmatan Asal	: Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41
Skim Perkhidmatan Baharu	: Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M9
Tarikh Kuat Kuasa Pelarasan Gaji	: 1 Disember 2024 (Fasa 1) / 1 Januari 2026 (Fasa 2)
TPG	: 1 Oktober
Gaji hakiki pada 30 November 2024	: RM2,647.00
JGMM Gred M41	: RM2,422.00 – RM9,631.00
KGT Gred M41	: RM225.00
JGMM Gred 9	: RM2,250.00 – RM11,110.00
KGT Gred 9	: RM225.00

Tarikh	Gaji Asal (RM)	Gaji Baharu (RM)	Catatan
30.11.2024	2,647.00	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pelarasan gaji fasa 1.
1.12.2024	-	2,887.00 (2,647.00 + 240.00)	Tarikh kuat kuasa pelarasan gaji fasa 1. Pegawai diberi pelarasan gaji sebanyak RM240 kerana gaji pegawai kurang dari RM3,000.00. Gaji pegawai dipindahkan ke JGMM baharu.
1.10.2025	-	3,112.00 (2,887.00 + 225.00)	TPG pegawai. Diberi PGT tertakluk kepada keputusan PPSM.
1.1.2026	-	3,329.84 (3,112.00 + 7%)	Tarikh kuat kuasa pelarasan gaji fasa 2. Pegawai diberi pelarasan gaji sebanyak 7%.
1.10.2026	-	3,554.84 (3,329.84 + 225.00)	TPG pegawai. Diberi PGT tertakluk kepada keputusan PPSM.


SIMULASI GAJI
BAGI PEGAWAI YANG MENERIMA OPSYEN SSPA
PELARASAN GAJI FASA 1 (8%) DAN FASA 2 (7%)

Skim Perkhidmatan Asal	: Pegawai Pergigian Gred UG48
Skim Perkhidmatan Baharu	: Pegawai Pergigian Gred UG12
Tarikh Kuat Kuasa Pelarasan Gaji	: 1 Disember 2024 (Fasa 1) / 1 Januari 2026 (Fasa 2)
TPG	: 1 April
Gaji hakiki pada 30 November 2024	: RM6,872.88
JGMM Gred UG48	: RM5,211.00 – RM11,769.00
KGT Gred UG48	: RM270.00
JGMM Gred 12	: RM5,530.00 – RM13,540.00
KGT Gred 12	: RM270.00

Tarikh	Gaji Asal (RM)	Gaji Baharu (RM)	Catatan
30.11.2024	6,872.88	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pelarasan gaji fasa 1.
1.12.2024	-	7,422.71 (6,872.88 + 8%)	Tarikh kuat kuasa pelarasan gaji fasa 1. Pegawai diberi pelarasan gaji sebanyak 8% kerana gaji pegawai melebihi RM3,000.00. Gaji pegawai dipindahkan ke JGMM baharu.
1.4.2025	-	7,692.71 (7,422.71 + 270.00)	TPG pegawai. Diberi PGT tertakluk kepada keputusan PPSM.
1.1.2026	-	8,231.20 (7,692.71 + 7%)	Tarikh kuat kuasa pelarasan gaji fasa 2. Pegawai diberi pelarasan gaji sebanyak 7%.
1.4.2026	-	8,501.20 (8,231.20 + 270.00)	TPG pegawai. Diberi PGT tertakluk kepada keputusan PPSM.

SIMULASI GAJI
BAGI PEGAWAI YANG MENERIMA OPSYEN SSPA TETAPI BELUM
MEMENUHI SYARAT OPSYEN
(SEHINGGA MEMENUHI SYARAT OPSYEN)

Skim Perkhidmatan Asal	: Pembantu Operasi Gred N11
Skim Perkhidmatan Baharu	: Pembantu Khidmat Am Gred H1
Tarikh Kuat Kuasa Pelarasan Gaji	: 1 Disember 2024 (Fasa 1) / 1 Januari 2026 (Fasa 2)
TPG Gred N11	: 1 April
TPG Gred 1	: 1 April
Tarikh pegawai memenuhi syarat	: 12 September 2025
Gaji hakiki pada 30 November 2024	: RM1,616.00
JGMM Gred N11	: RM1,216.00 - RM2,983.00
KGT Gred N11	: RM80.00
JGMM Gred 1	: RM1,500.00 - RM4,680.00
KGT Gred 1	: RM100.00



Nota:

- i. Pegawai kekal dalam skim perkhidmatan asal secara KUP sehinggalah memenuhi syarat opsyen.

SIMULASI GAJI
BAGI PEGAWAI YANG DILANTIK SELEPAS 1 DISEMBER 2024

Skim Perkhidmatan : Penolong Pegawai Tadbir Gred N5
 Tarikh Kuat Kuasa Pelarasan Gaji Fasa 2 : 1 Januari 2026
 TPG : 1 April
 Gaji hakiki pada 31 Disember 2025 : RM1,650.00
 JGMM Gred 5 : RM1,650.00 – RM6,620.00
 KGT Gred 5 : RM145.00

Tarikh	Gaji Asal (RM)	Gaji Baharu (RM)	Catatan
5.5.2025	1,650.00	-	Dilantik sebagai Penolong Pegawai Tadbir Gred 5. TPG pegawai pada 1 April.
31.12.2025	1,650.00	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pelarasan gaji fasa 2.
1.1.2026	-	1,765.50 (1,650.00 + 7%)	Tarikh kuat kuasa pelarasan gaji fasa 2. Pegawai diberi pelarasan gaji sebanyak 7%.
1.4.2026	-	1,910.50 (1,765.50 + 145.00)	TPG pegawai. Diberi PGT tertakluk kepada keputusan PPSM.

SIMULASI GAJI
BAGI PEGAWAI YANG DINAikkan PANGKAT PADA TARIKH
PELARASAN GAJI

Skim Perkhidmatan	: Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M10
Tarikh Kuat Kuasa Pelarasan Gaji	: 1 Januari 2026 (Fasa 2)
TPG Gred 10	: 1 Januari
Tarikh Kenaikan Pangkat ke Gred 12	: 1 Januari 2026
Gaji hakiki pada 31 Disember 2025	: RM6,482.00
JGMM Gred 10	: RM3,840.00 – RM12,150.00
KGT Gred 10	: RM250.00
JGMM Gred 12	: RM5,530.00 – RM13,540.00
KGT Gred 12	: RM270.00

Tarikh	Gaji Asal (RM)	Gaji Baharu (RM)	Gaji Naik Pangkat (RM)	Catatan
31.12.2025	6,482.00	-	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pelarasan gaji fasa 2.
1.1.2026	-	6,935.74 (6,482.00 + 7%)	-	Tarikh kuat kuasa pelarasan gaji fasa 2. Pegawai diberi pelarasan gaji sebanyak 7%.
	-	7,185.74 (6,935.74 + 250.00)	-	TPG pegawai. Diberi PGT tertakluk kepada keputusan PPSM.
	-	-	7,455.74 (7,185.74 + 270.00)	Penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat ke Gred 12. TPG kekal 1 Januari.

SIMULASI GAJI
BAGI PEGAWAI YANG BERADA DI GAJI MAKSIMUM DAN
PGT MENGGUNAKAN KADAR KGM

Skim Perkhidmatan Asal	: Pegawai Penjara Gred KA24
Skim Perkhidmatan Baharu	: Pegawai Penjara Gred KA2
Tarikh Kuat Kuasa Pelarasan Gaji	: 1 Disember 2024 (Fasa 1) / 1 Januari 2026 (Fasa 2)
TPG	: 1 Julai
Gaji hakiki pada 30 November 2024	: RM5,107.54
JGMM Gred KA24	: RM2,356.00 – RM5,014.00
JGMM Gred 2	: RM2,220.00 – RM5,770.00
KGT Gred 2	: RM120.00 (KUP)
KGM Gred 2	: RM136.02

Tarikh	Gaji Asal (RM)	Gaji Baharu (RM)	Catatan
30.11.2024	5,107.54	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pelarasan gaji fasa 1.
1.12.2024	-	5,516.14 (5,107.54 + 8%)	Tarikh kuat kuasa pelarasan gaji fasa 1. Pegawai diberi pelarasan gaji sebanyak 8% kerana gaji pegawai melebihi RM3,000.00. Gaji pegawai dipindahkan ke JGMM baharu.
1.7.2025	-	5,636.14 (5,516.14 + 120.00)	TPG pegawai. Diberi PGT tertakluk kepada keputusan PPSM menggunakan kadar RM120.00 (KUP) sebagaimana di perenggan 52 .
1.1.2026	-	6,030.67 (KUP) (5,636.14 + 7%)	Tarikh kuat kuasa pelarasan gaji fasa 2. Pegawai diberi pelarasan gaji sebanyak 7%. JGMM sedia ada tidak dapat menampung gaji pegawai setelah pelarasan gaji. Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan permohonan penetapan gaji KUP kepada Bahagian Gaji dan Elaun, JPA.

Tarikh	Gaji Asal (RM)	Gaji Baharu (RM)	Catatan
1.7.2026	-	6,166.69 (6,030.67 + 136.02)	TPG pegawai. Diberi PGT pada kadar KGM (RM136.02) tertakluk kepada keputusan PPSM.

SIMULASI GAJI
BAGI PEGAWAI YANG MENGHAMPIRI GAJI MAKSIMUM [AMAUN
PERBEZAAN ANTARA GAJI HAKIKI DENGAN GAJI MAKSIMUM
ADALAH KURANG DARIPADA KADAR SATU (1) KGT]

Skim Perkhidmatan Asal	: Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A48
Skim Perkhidmatan Baharu	: Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A12
Tarikh Kuat Kuasa Pelarasan Gaji	: 1 Disember 2024 (Fasa 1) / 1 Januari 2026 (Fasa 2)
TPG	: 1 Januari
Gaji hakiki pada 30 November 2024	: RM11,425.02
JGMM Gred A48	: RM5,210.00 – RM11,768.00
KGT Gred 12	: RM270.00
JGMM Gred 12	: RM5,530.00 – RM13,540.00
KGM Gred 12	: RM320.25

Tarikh	Gaji Asal (RM)	Gaji Baharu (RM)	Catatan
30.11.2024	11,425.02	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pelarasan gaji fasa 1.
1.12.2024	-	12,339.02 (11,425.02 + 8%)	Tarikh kuat kuasa pelarasan gaji fasa 1. Pegawai diberi pelarasan gaji sebanyak 8% kerana gaji pegawai melebihi RM3,000.00. Gaji pegawai dipindahkan ke JGMM baharu.
1.1.2025	-	12,609.02 (12,339.02 + 270.00)	TPG pegawai. Diberi PGT tertakluk kepada keputusan PPSM.
1.1.2026	-	13,491.65 (12,609.02 + 7%)	Tarikh kuat kuasa pelarasan gaji fasa 2. Pegawai diberi pelarasan gaji sebanyak 7%.
	-	13,811.90 (13,491.65 + 320.25)	TPG pegawai. Diberi PGT pada kadar KGM (RM320.25) tertakluk kepada keputusan PPSM mengambil kira beza gaji hakiki dengan gaji maksimum Gred 12 adalah RM48.35.

PRINSIP, JENIS DAN SYARAT UMUM KELAYAKAN ELAUN

Prinsip Elaun

1. Prinsip-prinsip pemberian elaun dalam SSPA ditambah baik seperti yang berikut:
 - a. **prinsip tidak sejagat (*non-universal*)** membolehkan pemberian elaun kepada kumpulan atau perkhidmatan tertentu berdasarkan keunikan sesuatu tugas fungsional yang dilaksanakannya;
 - b. **prinsip tidak biasa (*non-regular*)** menetapkan elaun hanya diberi dalam keadaan tertentu berdasarkan tugas yang dilaksanakan di luar kebiasaan oleh suatu perkhidmatan, kumpulan atau gred jawatan;
 - c. **prinsip tidak kekal (*non-permanent*)** menentukan elaun dibayar secara bertempoh/sementara dan boleh ditarik balik atau dihentikan pembayarannya pada bila-bila masa atau tempoh kelulusan berakhir; dan
 - d. **prinsip kesaksamaan (*fairness*)** memastikan pemberian elaun yang saksama dan tidak dihadkan hanya kepada perkhidmatan, kumpulan atau gred jawatan tertentu sahaja. Elaun sedia ada boleh dipanjangkan kepada mana-mana perkhidmatan, kumpulan atau gred jawatan lain yang turut menjalankan tugas-tugas yang melayakkan pemberian elaun tersebut.

Jenis Elaun

2. Jenis elaun dalam perkhidmatan awam ditetapkan seperti yang berikut:
 - a. imbuhan tetap atau bayaran imbuhan yang diberi berasaskan kriteria sara hidup;
 - b. elaun diberi berasaskan kriteria tanggungjawab tambahan;
 - c. bayaran insentif diberi berasaskan kriteria kelayakan dan penempatan; dan
 - d. bayaran balik yang diberi berasaskan kriteria bayaran balik perbelanjaan.

Syarat Umum Kelayakan Elaun

3. Syarat umum kelayakan menetapkan bahawa pemberian elaun akan terhenti **mulai hari pertama** apabila pegawai berada dalam keadaan berikut:
 - a. Cuti Tanpa Gaji (termasuk Cuti Belajar Tanpa Gaji);
 - b. Cuti Separuh Gaji (termasuk Cuti Belajar Separuh Gaji);
 - c. menghadiri kursus (termasuk Cuti Belajar Bergaji Penuh) yang tempohnya melebihi 92 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
 - d. Cuti Rehat yang tempohnya melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
 - e. cuti selain daripada Cuti Rehat, yang tempohnya melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
 - f. kombinasi mana-mana jenis cuti yang tempohnya melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dan hari-hari tidak hadir bekerja tanpa kebenaran; atau
 - g. menjalankan tugas rasmi selain daripada tugas hakiki atas arahan Ketua Jabatan yang tempohnya melebihi 92 hari berturut-turut.

**SENARAI ELAUN YANG DIMANSUH
(TERMASUK PEMBATALAN PEKELILING PERKHIDMATAN/
SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN/SURAT EDARAN)**

BIL.	ELAUN
1.	Bayaran Balik Pembelian Cermin Mata a) Surat JPA(S)63/30/1 bertarikh 16 Mei 2001 b) Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
2.	Bayaran Imbuhan Thailand dan Singapura a) Perenggan 59, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970 b) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1975 c) Surat Perj.18640/Jld.3/(66) bertarikh 25 Julai 1980 d) Surat Perj.18640 Jld.5/(6) bertarikh 7 Mac 1984 e) Surat Perj.18640/Jld.6/(28) bertarikh 23 Oktober 1988 f) Perenggan 29, Lampiran D1, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991 g) Perenggan B10, Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996 h) Perenggan B10, Lampiran G, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2000 i) Perenggan B10, Lampiran G, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2001 j) Perenggan B9, Lampiran C8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 k) Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
3.	Bayaran Insentif Kesihatan Awam Pegawai Pergigian a) Perenggan 6, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1983 b) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1993 c) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1994 d) Perenggan B3, Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996 e) Perenggan B3, Lampiran G, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2001 f) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2003 g) Perenggan 10, 11 dan 14, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2011 h) Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

BIL.	ELAUN
4.	Bayaran Insentif Kesusahan Bertugas di Taman Negara a) Surat JPA.(S).800/6/1/48 Jld.2 (19) bertarikh 31 Januari 2024 b) Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
5.	Bayaran Insentif Penyelamat di Air a) Surat JPA.SARAAN(S)6/164-1 Jld.12(20) bertarikh 19 Julai 2022 b) Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
6.	Bayaran Insentif Program Pemulihan Pemasyarakatan a) Surat JPA.SARAAN(S) 63/159/4-6 (24) bertarikh 29 Jun 2011 b) Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
7.	Bayaran Insentif Sabah dan Sarawak ATM a) Surat JPA(S)4/32 Klt.3/(10) bertarikh 11 Januari 2007 b) Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
8.	Bayaran Insentif Semenanjung ATM a) Surat JPA(S)4/32 Klt. 3(10) bertarikh 11 Januari 2007 b) Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
9.	Bayaran Insentif Subjek Pendidikan a) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2002 b) Surat JPA(SARAAN)(S) 63/14-1 Jld.2(32) bertarikh 7 April 2010 c) Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
10.	Bayaran Insentif Unit Pencegah Penyeludupan a) Perenggan B9, Lampiran D6, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991 b) Surat JPA(S)1239/109 bertarikh 6 November 1991 c) Perenggan B7, Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996 d) Perenggan B7, Lampiran G, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2000 e) Surat JPA(S)215/8/2-1 (SV46) bertarikh 7 November 2000 f) Perenggan B7, Lampiran G, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2001 g) Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

BIL.	ELAUN
11.	Elaun Kepada Pegawai Perubatan Yang Dilantik Sebagai Pendaftar a) Surat LNP/31/NP/Pt.24(SJ)/(12) bertarikh 4 Mei 1976 b) Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

SENARAI ELAUN YANG DIPINDA NAMA

BIL.	NAMA SEDIA ADA	NAMA BAHARU
1.	Bayaran Insentif Jurutera Penyelenggara Kapal Udara, Unit Udara PDRM	Bayaran Insentif Jurutera Penyelenggara Kapal Udara, Pasukan Gerakan Udara PDRM
2.	Bayaran Insentif Ketukangan (Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia)	Bayaran Insentif Kemahiran (JBPM)
3.	Bayaran Insentif Ketukangan (Jabatan Penjara Malaysia)	Bayaran Insentif Kemahiran (Jabatan Penjara Malaysia)
4.	Bayaran Insentif Ketukangan (Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia)	Bayaran Insentif Kemahiran (Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia)
5.	Bayaran Insentif Ketukangan (PDRM)	Bayaran Insentif Kemahiran (PDRM)
6.	Bayaran Insentif Ketukangan Anak Kapal (Jabatan Kastam Diraja Malaysia)	Bayaran Insentif Kemahiran Anak Kapal (JKDM)
7.	Bayaran Insentif Ketukangan Anak Kapal dan Artisan Laut (APMM)	Bayaran Insentif Kemahiran Anak Kapal dan Artisan Laut (APMM)
8.	Bayaran Insentif Ketukangan <i>Dog Handlers</i>	Bayaran Insentif Pengendali Anjing Terlatih
9.	Bayaran Insentif Pegawai Pengurusan Ruang Angkasa TUDM	Bayaran Insentif Pegawai Pengurusan Ruang Angkasa
10.	Bayaran Insentif Pemeriksa Kapal Terbang ATM	Bayaran Insentif Pemeriksa Kapal Terbang
11.	Bayaran Insentif Pengajaran Kanak-kanak Berkeperluan Khas	Bayaran Insentif Pengajaran Murid Berkeperluan Pendidikan Khas
12.	Bayaran Insentif Pengawasan Pelatih di PUSPEN	Bayaran Insentif Pengawasan Klien di PUSPEN

BIL.	NAMA SEDIA ADA	NAMA BAHARU
13.	Bayaran Insentif Perkhidmatan PERHILITAN	Bayaran Insentif Pemuliharaan Hidupan Liar
14.	Bayaran Insentif Rating Pegawai Pengurusan Ruang Angkasa TUDM	Bayaran Insentif Rating Pegawai Pengurusan Ruang Angkasa
15.	Bayaran Insentif Tugas Memanjat Pokok	Bayaran Insentif Pasukan Memanjat Pokok
16.	Bayaran Insentif Wilayah	Bayaran Imbuhan Wilayah
17.	Elaun Bersedia Atas Panggilan di Klinik Kesihatan dan Klinik Desa	Elaun Bersedia Atas Panggilan di Klinik Desa dan Klinik Kesihatan
18.	Elaun Bertugas Pegawai Perubatan Selepas Waktu Pejabat di Klinik Kesihatan dan Jabatan Kecemasan Hospital	Elaun Bertugas Selepas Waktu Pejabat di Klinik Kesihatan dan Klinik Rawatan Pesakit di Jabatan Kecemasan Hospital
19.	Elaun Tanggungjawab Penyelaras Penyelidik Parlimen	Elaun Tanggungjawab Penyelaras Penyelidik di Parlimen

Nota:

PDRM - Polis Diraja Malaysia

APMM - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

JBPM - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

JKDM - Jabatan Kastam Diraja Malaysia

SENARAI ELAUN YANG BERKUAT KUASA

BIL.	ELAUN	RUJUKAN
1.	Bayaran Balik Pembaharuan Lesen Memandu	E4-U1
2.	Bayaran Imbuhan Perumahan Khas	E4-U2
3.	Bayaran Imbuhan Perumahan Wilayah	E4-U3
4.	Bayaran Imbuhan Sara Hidup	E4-U4
5.	Bayaran Imbuhan Wilayah	E4-U5
6.	Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan dan Pergigian	E4-U6
7.	Bayaran Insentif Arahan Pertukaran Wilayah	E4-U7
8.	Bayaran Insentif Bahasa	E4-U8
9.	Bayaran Insentif Bahasa (PDRM dan Jabatan Penjara Malaysia)	E4-U9
10.	Bayaran Insentif Bahasa Asing	E4-U10
11.	Bayaran Insentif Bertugas di Bilik Mayat	E4-U11
12.	Bayaran Insentif Bomba	E4-U12
13.	Bayaran Insentif HAZMAT	E4-U13
14.	Bayaran Insentif Juruterbang	E4-U14
15.	Bayaran Insentif Kemahiran (JBPM)	E4-U15
16.	Bayaran Insentif Kemahiran (Jabatan Penjara Malaysia)	E4-U16
17.	Bayaran Insentif Kemahiran (Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia)	E4-U17
18.	Bayaran Insentif Kemahiran Anak Kapal (JKDM)	E4-U18
19.	Bayaran Insentif Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan	E4-U19
20.	Bayaran Insentif Menyelam	E4-U20

BIL.	ELAUN	RUJUKAN
21.	Bayaran Insentif Merawat Pesakit Psikiatri, Tibi dan Kusta	E4-U21
22.	Bayaran Insentif Operasi Udara	E4-U22
23.	Bayaran Insentif Pakar	E4-U23
24.	Bayaran Insentif Pasukan Memanjat Pokok	E4-U24
25.	Bayaran Insentif Pasukan SMART	E4-U25
26.	Bayaran Insentif Pedalaman	E4-U26
27.	Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Daerah Bukan Pakar	E4-U27
28.	Bayaran Insentif Pegawai-pegawai Taman Negara	E4-U28
29.	Bayaran Insentif Pembantu Pengurusan Murid di Sekolah Pendidikan Khas	E4-U29
30.	Bayaran Insentif Pemuliharaan Hidupan Liar	E4-U30
31.	Bayaran Insentif Pencegah	E4-U31
32.	Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian di Fasiliti Kesihatan di Sabah, Sarawak dan Labuan	E4-U32
33.	Bayaran Insentif Penerbangan	E4-U33
34.	Bayaran Insentif Pengajaran Murid Berkeperluan Pendidikan Khas	E4-U34
35.	Bayaran Insentif Pengawal Trafik Udara	E4-U35
36.	Bayaran Insentif Pengawasan Banduan	E4-U36
37.	Bayaran Insentif Pengawasan Klien di PUSPEN	E4-U37
38.	Bayaran Insentif Pengendali Anjing Terlatih	E4-U38
39.	Bayaran Insentif Penguatkuasa	E4-U39
40.	Bayaran Insentif Penjagaan Warga Emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Orang Papa/Pesakit Mental di Institusi Kebajikan, Jabatan Kebajikan Masyarakat	E4-U40

BIL.	ELAUN	RUJUKAN
41.	Bayaran Insentif Perkhidmatan Bomba	E4-U41
42.	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kesihatan Udara	E4-U42
43.	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal	E4-U43
44.	Bayaran Insentif Pos Basik	E4-U44
45.	Bayaran Insentif Rating Pemeriksa Kapal Terbang	E4-U45
46.	Bayaran Insentif Rating Trafik Udara	E4-U46
47.	Bayaran Insentif Rawatan Kecemasan (JBPM)	E4-U47
48.	Bayaran Insentif Trengkas Dwi Bahasa	E4-U48
49.	Bayaran Insentif Tugas Hukuman Gantung	E4-U49
50.	Bayaran Insentif Tugas Hukuman Sebat	E4-U50
51.	Bayaran Insentif Tugas Jurubahasa di Mahkamah	E4-U51
52.	Bayaran Insentif Tugas Kalibrasi Penerbangan	E4-U52
53.	Bayaran Insentif Tugas Kewangan	E4-U53
54.	Bayaran Insentif Tugas Memeriksa Pesawat Penerbangan Awam	E4-U54
55.	Bayaran Insentif Tugas Mengendali Reaktor Nuklear	E4-U55
56.	Bayaran Insentif Tugas Pengurusan Stor	E4-U56
57.	Elaun Bersedia Atas Panggilan di Klinik Desa dan Klinik Kesihatan	E4-U57
58.	Elaun Bertugas Selepas Waktu Pejabat di Klinik Kesihatan dan Klinik Rawatan Pesakit di Jabatan Kecemasan Hospital	E4-U58
59.	Elaun Guru Besar dan Pengetua	E4-U59
60.	Elaun Guru Kelas Bahasa Ibunda	E4-U60
61.	Elaun Jurulatih Sukan	E4-U61

BIL.	ELAUN	RUJUKAN
62.	Elaun Kerja Luar Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia	E4-U62
63.	Elaun Kerja Luar Kadastra dan Pemetaan	E4-U63
64.	Elaun Lebih Masa	E4-U64
65.	Elaun Luar Penghulu	E4-U65
66.	Elaun Memandu Kenderaan Jabatan Penjara Malaysia	E4-U66
67.	Elaun Pemangkuan	E4-U67
68.	Elaun Pembantu Khas	E4-U68
69.	Elaun Pembedahan Elektif	E4-U69
70.	Elaun Penanggungan Kerja	E4-U70
71.	Elaun Pengetua Asrama	E4-U71
72.	Elaun Pentadbiran Hospital	E4-U72
73.	Elaun Pesuruhjaya Sumpah	E4-U73
74.	Elaun Syarahan Akademik Sambilan	E4-U74
75.	Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu	E4-U75
76.	Elaun Tanggungjawab Penyelaras Penyelidik di Parlimen	E4-U76
77.	Elaun Tugas Atas Panggilan bagi Pegawai Perubatan	E4-U77
78.	Elaun Tugas Bius	E4-U78
79.	Elaun Tugas Khas Pentadbiran di Universiti dan Institusi Penyelidikan	E4-U79
80.	Elaun Tugas Memandu Kenderaan	E4-U80
81.	Elaun Tugas Pentadbiran Sekolah	E4-U81
82.	Elaun Tugas Pentaksiran di Pelabuhan, Lapangan Terbang, Sempadan Jalan Darat, Zon Bebas dan Penggudangan	E4-U82

BIL.	ELAUN	RUJUKAN
83.	Elaun Waktu Bekerja Fleksi Bagi Pegawai Perubatan Siswazah	E4-U83
84.	Elaun Warden Asrama	E4-U84
85.	Elaun-elaun Kerana Berkursus	E4-U85
86.	Elaun-elaun Kerana Bertugas Rasmi	E4-U86
87.	Elaun-elaun Kerana Bertukar dan Berpindah	E4-U87
88.	Elaun-elaun Khidmat Luar Negeri	E4-U88
89.	Imbuhan Tetap Keraian	E4-U89
90.	Imbuhan Tetap Khidmat Awam	E4-U90
91.	Imbuhan Tetap Perumahan	E4-U91

**RUJUKAN
LAMPIRAN E4**

Nama Elaun	Bayaran Balik Pembaharuan Lesen Memandu
Tahun Pewujudan	1973
Objektif	Membayar balik kos pembaharuan lesen memandu kepada pegawai yang diarah menjalankan tugas memandu kenderaan Kerajaan.
Kriteria	Bayaran Balik Perbelanjaan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tidak tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada pegawai yang diarahkan secara bertulis oleh Ketua Jabatan bagi menjalankan tugas memandu kenderaan Kerajaan; 2. Tuntutan bayaran balik hanya bagi tahun semasa sahaja; 3. Boleh memohon wang pendahuluan daripada Jabatan masing-masing (sekiranya perlu); 4. Pembaharuan lesen memandu hendaklah dibuat sebelum tarikh lesen tersebut tamat tempoh. Sebarang bayaran denda yang dikenakan kerana lewat memperbaharui lesen memandu tidak akan ditanggung oleh Jabatan; dan 5. Pegawai tidak layak membuat tuntutan sekiranya tidak lagi ditugaskan memandu kenderaan Kerajaan.
Kadar	Kadar yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian Pengangkutan atau pihak berkuasa lain yang berkaitan bagi tujuan pembaharuan lesen memandu.
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2017 2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Nama Elaun	Bayaran Imbuhan Perumahan Khas
Tahun Pewujudan	2002
Objektif	Menggalakkan pegawai menduduki Rumah Khas Kerajaan atau kediaman rasmi yang diperuntukkan kepadanya.
Kriteria	Sara Hidup
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tidak tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Rujuk syarat PPSM SR.3 Kemudahan Perumahan Kerajaan Ceraian SR.3.3.1 Bayaran Imbuhan Perumahan Khas.
Kadar	Rujuk kadar PPSM SR.3 Kemudahan Perumahan Kerajaan Ceraian SR.3.3.1 Bayaran Imbuhan Perumahan Khas.
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi kecuali Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia.

Nama Elaun	Bayaran Imbuhan Perumahan Wilayah
Tahun Pewujudan	2002
Objektif	Menampung sebahagian kos perumahan bagi pegawai yang bertukar wilayah.
Kriteria	Sara Hidup
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tidak tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Layak dibayar kepada pegawai yang bertukar wilayah kecuali: - skim perkhidmatan ATM; - skim perkhidmatan PDRM; - skim perkhidmatan APMM; - Pegawai Bomba Gred KB1 hingga KB10; dan - Pegawai Penjara Gred KA1 hingga KA10. - Dibayar kepada pegawai mulai dari tarikh pegawai mengisytiharkan wilayah asal atau tarikh melaporkan diri di wilayah baharu, mengikut mana yang terkemudian, tertakluk kepada peraturan seperti berikut: - pegawai yang dibayar Bayaran Imbuhan Perumahan Wilayah (BIPW) tidak layak Imbuhan Tetap Perumahan (ITP); - pegawai yang tidak mendiami rumah Kerajaan boleh memilih sama ada menerima BIPW atau ITP; - pegawai yang mendiami rumah Kerajaan tidak layak dibayar BIPW dan layak dibayar ITP mengikut kadar yang ditetapkan (rumah diperuntukkan kepada pegawai secara perseorangan atau secara berkongsi); - pegawai yang mendiami rumah Kerajaan yang diperuntukkan kepada suami atau isteri, tidak layak BIPW tetapi layak ITP; - pegawai suami dan isteri yang bertukar wilayah yang sama dan tidak mendiami rumah Kerajaan, boleh dibayar ITP masing-masing. Walau bagaimanapun, salah seorang antara mereka boleh memilih BIPW;

	f. pegawai yang bercuti tanpa gaji tidak layak kedua-dua BIPW dan ITP; g. pegawai menghadiri kursus melebihi 3 bulan tidak layak BIPW; h. pegawai yang telah membeli rumah dalam stesen dengan pinjaman perumahan Kerajaan tidak layak dibayar BIPW tetapi layak ITP; i. pegawai yang mendiami rumah yang dibeli oleh pasangan dalam lingkungan 25 km dari ibu pejabat dengan menggunakan pinjaman perumahan Kerajaan layak dibayar BIPW; dan j. pegawai yang bertukar wilayah yang dibenarkan menduduki hotel melebihi tempoh yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan semasa pertukaran, akan kehilangan secara pro rata BIPW bagi tempoh tambahan beliau tinggal di hotel. 3. Semua pegawai yang bertukar wilayah dikehendaki mengisi Borang E4-U3 untuk maksud menentukan kelayakan masing-masing.
Kadar	1. Kadar adalah seperti di Jadual E4-U3; 2. Penentuan kelayakan kadar adalah berpandukan kepada bandar atau kawasan di mana terletaknya pejabat pegawai. Kawasan bandar hendaklah berpandukan kepada kawasan yang diwartakan sebagai kawasan Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan; dan 3. Kadar ITP digunakan jika kadar BIPW bagi kawasan tersebut adalah lebih rendah.
Penerima	Semua skim perkhidmatan dalam perkhidmatan awam kecuali dinyatakan di atas.
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2001 2. Surat JPA(S) 2760/10 Klt. 8 bertarikh 14 Disember 2001 3. Perenggan 15, Lampiran C8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 4. Surat JPA(S)63/151 Klt.9(22) bertarikh 30 April 2002 5. Surat JPA(BGE) 223/5/4-3(38) bertarikh 6 Julai 2009 6. Surat JPA(S)63/151 Klt.23(8) bertarikh 14 Julai 2009 7. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Catatan	1. Pegawai bertukar wilayah iaitu pegawai yang berkhidmat di wilayah selain dari wilayah asalnya dalam keadaan-keadaan berikut: a. pegawai yang berasal dari Sabah dan ditempatkan berkhidmat di Semenanjung, Sarawak atau Labuan; b. pegawai yang berasal dari Sarawak dan ditempatkan berkhidmat di Sabah, Semenanjung atau Labuan; c. pegawai yang berasal dari Semenanjung dan ditempatkan berkhidmat di Sarawak, Sabah atau Labuan; atau d. pegawai berasal dari Labuan dan ditempatkan berkhidmat di Semenanjung, Sabah atau Sarawak. 2. Penentuan wilayah asal adalah berdasarkan perkara-perkara seperti berikut: a. wilayah kelahiran ibu bapa pegawai sekiranya ibu dan bapa pegawai lahir di wilayah yang sama; b. wilayah kelahiran ibu atau wilayah kelahiran bapa sekiranya ibu bapa pegawai dilahirkan di wilayah yang berbeza; c. bagi pegawai yang ibu bapanya memperoleh taraf penduduk tetap atau warganegara Malaysia, wilayah asal mereka adalah merujuk kepada wilayah tempat tinggal ibu bapa pegawai berkenaan ketika memperoleh Kad Pengenalan Bertaraf Penduduk Tetap atau Sijil Warganegara Malaysia; d. wilayah kelahiran ibu atau bapa angkat bagi pegawai yang diambil sebagai anak angkat melalui pengangkatan yang sah; atau e. kes-kes lain selain yang dijelaskan di perenggan (a) hingga (d) di atas hendaklah dirujuk kepada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dipertimbangkan. 3. Pegawai bertukar wilayah hendaklah mengisytiharkan wilayah asalnya semasa pertama kali dilantik ke dalam perkhidmatan awam menggunakan Borang E4-U5. Pengisytiharan ini hanya boleh dilakukan sebanyak sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan dan direkodkan di dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai.
---------	--

	4. Tafsiran: a. pasangan bermaksud isteri atau suami bagi pegawai, yang sah mengikut undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia; b. wilayah bermaksud Semenanjung Malaysia, Sarawak, Sabah dan Labuan; dan c. wilayah berkhidmat bermaksud wilayah di mana pegawai ditempatkan/diarahkan bertugas.
--	--

Jadual E4-U3: Kadar Bayaran Imbuhan Perumahan Wilayah

Kumpulan	Pengurusan Tertinggi			Pengurusan dan Profesional			Pelaksana		
Gred	Turus	A	B	C	14 -15	11-13	9 -10	5 - 8	1 - 4
NEGERI/BANDAR									
Kuala Lumpur/Putrajaya									
Semua Kawasan	2,500	2,000	1,600	1,300	1,100	700	600	550	500
Selangor									
Petaling Jaya	2,500	2,000	1,600	1,300	1,100	700	600	550	500
Subang Jaya	2,500	2,000	1,600	1,300	1,100	700	600	550	500
Shah Alam	2,500	2,000	1,600	1,300	1,100	700	600	550	500
Kawasan lain	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	500	450	400
Pulau Pinang									
Pulau Pinang	2,500	2,000	1,600	1,300	1,100	700	600	550	500
Seberang Perai	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	500	450	400
Johor									
Johor Bahru	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	500	450	400
Kulaijaya	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	500	450	400
Kawasan lain	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	300	280	230
Perak									
Ipoh	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	300	250	200
Kawasan lain	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	250	220	180

Kumpulan	Pengurusan Tertinggi			Pengurusan dan Profesional			Pelaksana		
Gred	Turus	A	B	C	14 -15	11-13	9 -10	5 - 8	1 - 4
Negeri Sembilan									
Bandar Seremban	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	400	350	300
Kawasan lain	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	300	280	250
Melaka									
Bandar Melaka	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	400	350	300
Kawasan lain	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	300	250	230
Kedah									
Langkawi	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	500	450	400
Alor Setar	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	450	400	350
Sg. Petani	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	450	400	350
Kawasan lain	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	300	270	230
Perlis									
Kangar	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	280	250	220
Kawasan lain	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	260	230	200
Pahang									
Kuantan	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	350	300	250
Kawasan lain	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	280	250	220
Terengganu									
Kuala Terengganu	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	350	300	250
Dungun	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	350	300	250
Kawasan lain	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	270	230	180

Kumpulan	Pengurusan Tertinggi			Pengurusan dan Profesional			Pelaksana		
Gred	Turus	A	B	C	14 -15	11-13	9 -10	5 - 8	1 - 4
Kelantan									
Kota Bharu	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	300	250	200
Kawasan lain	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	250	200	170
Sabah									
Kota Kinabalu	2,500	2,000	1,600	1,500	1,300	1,130	930	830	730
Sandakan	2,500	2,000	1,600	1,500	1,250	1,080	880	780	680
Kawasan lain	2,500	2,000	1,600	1,500	1,200	1,030	830	730	630
Labuan									
Labuan	2,500	2,000	1,600	1,500	1,300	1,130	930	830	730
Sarawak									
Kuching	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	600	550	500
Miri	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	600	550	500
Bintulu	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	600	550	500
Kawasan lain	2,500	2,000	1,600	1,300	900	700	500	450	400

Permohonan Pemilihan Bayaran Imbuhan Perumahan Wilayah (BIPW) Atau Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) Bagi Pegawai Yang Bertukar Wilayah

Maklumat Pegawai		
Nama		
No. Kad Pengenalan		
Nama Pasangan (Jika Sudah Berkahwin)		
No. Kad Pengenalan Pasangan		
Tempat Lahir Pegawai		
Tempat Lahir Pasangan		
Gred dan Gaji Pegawai		
Maklumat Ibu Bapa Pegawai		
Tempat Lahir Bapa Pegawai		
Tempat Lahir Ibu Pegawai		
Tempat Berkhidmat		
Alamat Pejabat Pegawai		
Alamat Pejabat Pasangan (Jika Berkenaan)		
Tarikh Pegawai Melapor Diri		
Tarikh Pasangan Melapor Diri		
Perihal Perumahan		
Tarikh Disediakan Rumah Kerajaan	Pegawai	
	Pasangan	
Rumah Dalam Stesen Dibeli Dengan Pinjaman Perumahan Kerajaan		

Pemilihan Pegawai		
Kadar BIPW	ATAU	Kadar ITP
RM		RM
Pengesahan Pegawai		
Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dilengkapkan di atas adalah benar. Sekiranya didapati bahawa yang diberikan itu tidak benar, saya akan kehilangan kelayakan BIPW. Tandatangan Pegawai : Tarikh :		
Kelulusan Ketua Jabatan		
Saya mengesahkan bahawa berdasar kepada maklumat di atas, pegawai adalah berasal daripada wilayah *Semenanjung/Sabah/Sarawak/Labuan dan pegawai: (a) layak dibayar BIPW ☐ atau ITP ☐ ; atau (b) tidak layak dibayar kedua-dua BIPW atau ITP ☐ Tandatangan : Nama Pegawai : Tarikh :		
Catatan: Potong * yang mana tidak berkenaan dan tandakan ✓ di kotak di mana berkaitan		

Nama Elaun	Bayaran Imbuhan Sara Hidup
Tahun Pewujudan	2005
Objektif	Menampung sebahagian perbelanjaan sara hidup mengikut tempat bertugas.
Kriteria	Sara Hidup
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tidak tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Layak dibayar kepada: a. Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana; b. Pegawai lantikan tetap, sementara, kontrak (<i>Contract of Service</i>) dan guru interim; c. Pegawai yang diluluskan sebarang jenis cuti bergaji penuh; d. Pegawai yang diluluskan Cuti Perubatan Khas; e. Pegawai yang diluluskan sebarang jenis cuti separuh gaji dibayar atas kadar separuh; f. Pegawai yang diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh di dalam negara dibayar mengikut lokasi institusi pengajian. Bagi pegawai yang diluluskan cuti belajar/kursus jangka panjang di Sabah, Sarawak atau Labuan, kadar Bayaran Imbuhan Sara Hidup (BISH) adalah mengikut Kawasan A; g. Pegawai yang diluluskan Cuti Belajar Separuh Gaji di dalam negara dibayar atas kadar separuh mengikut lokasi institusi pengajian; h. Pegawai yang menduduki rumah Kerajaan: i. dalam lingkungan 25km dari pejabat layak BISH atas kadar separuh (50%) daripada kelayakan pegawai; atau ii. di luar lingkungan 25km dari pejabat layak BISH atas kadar penuh (100%); i. Pembayaran BISH hendaklah dibuat secara pro rata dalam keadaan di mana perkhidmatan atau penempatan pegawai tidak genap satu (1) bulan.

	2. Tidak layak dibayar kepada: - Kumpulan Pengurusan Tertinggi; - Pegawai yang memangku atau dipinjamkan untuk menyandang jawatan Kumpulan Pengurusan Tertinggi; - Pegawai <i>Contract For Service</i>; - Pegawai yang dibayar Bayaran Imbuhan Wilayah; - Pegawai yang berada dalam skim saraan agensi yang diasingkan pengurusan saraannya; - Pegawai yang dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta; - Pegawai yang dibayar Elaun Sara Hidup Luar Negeri; - Pegawai yang diluluskan cuti belajar di luar negara melebihi satu (1) tahun; dan - Pegawai yang bercuti tanpa gaji.
Kadar	Kadar adalah seperti di Jadual E4-U4(1) dan Jadual E4-U4(2)
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi
Pembatalan PP/SPP/SE	- Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2019 - Surat JPA(BGE)(S)63/145/1-2 (47) bertarikh 19 Disember 2008 - Surat JPA(BGE)(S)63/145/1-2 (48) bertarikh 19 Disember 2008 - Surat JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.11 (31) bertarikh 3 Ogos 2018 - Surat JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.11 (32) bertarikh 3 Ogos 2018 - Surat JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.12 (5) bertarikh 27 Februari 2019 - Surat JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.12 (21) bertarikh 6 Disember 2019 - Surat JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.12 (27) bertarikh 17 Mac 2020 - Surat JPA.SARAAN(S)63/57/2 Jld.12(30) bertarikh 10 Julai 2020 - Surat JPA.SARAAN(S)63/57/2 Jld.12(32) bertarikh 27 Julai 2020 - Surat JPA.SARAAN(S)63/57/2 Jld.13(4) bertarikh 21 April 2021 - Surat JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.13 (7) bertarikh 18 Oktober 2021

	13. Surat JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.13 (11) bertarikh 14 Disember 2021 14. Surat JPA(SARAAN)(S)63/57/2 Jld.13 (12) bertarikh 14 Disember 2021 15. Surat JPA(S).800-4/2/51 (8) bertarikh 26 Ogos 2024 16. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
--	---

Jadual E4-U4(1) : Kadar Bayaran Imbuhan Sara Hidup Mengikut Kawasan

Bil.	Kawasan	Kadar Sebulan (RM)	
		Kumpulan Pengurusan dan Profesional	Kumpulan Pelaksana
1.	Kawasan A	300.00	350.00
2.	Kawasan B	250.00	300.00
3.	Kawasan Lain	150.00	200.00

Jadual E4-U4(2) : Pengkelasan Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Mengikut Negeri

Negeri	Pihak Berkuasa Tempatan
Kawasan A	
Wilayah Persekutuan	Kuala Lumpur dan Putrajaya
Pulau Pinang	Pulau Pinang dan Seberang Perai
Selangor	Ampang Jaya, Kajang, Klang, Petaling Jaya, Selayang, Sepang, Shah Alam dan Subang Jaya
Negeri Sembilan	Seremban
Johor	Johor Bahru, Iskandar Puteri dan Pasir Gudang
Kawasan B	
Johor	Batu Pahat, Kluang, Kulai, Muar, Segamat, Pontian dan Pengerang
Kedah	Alor Star, Kulim, Langkawi, Sungai Petani dan Kubang Pasu
Kelantan	Kota Bharu
Melaka	Alor Gajah, Bandar Melaka dan Jasin
Negeri Sembilan	Port Dickson dan Jempol
Perak	Ipoh, Kuala Kangsar, Manjung, Taiping dan Teluk Intan
Pahang	Bentong, Kuantan dan Temerloh
Perlis	Kangar
Terengganu	Kuala Terengganu, Dungun dan Kemaman
Selangor	Kuala Selangor, Hulu Selangor dan Kuala Langat

Nota : Perubahan kawasan tertakluk kepada penarafan Pihak Berkuasa Tempatan dan kelulusan JPA.

Nama Elaun	Bayaran Imbuhan Wilayah														
Tahun Pewujudan	1988														
Objektif	Menampung sebahagian kos sara hidup Pegawai Perkhidmatan Awam yang bertukar wilayah dan pegawai yang berasal dari Sabah, Sarawak dan Labuan yang berkhidmat di negeri masing-masing.														
Kriteria	Sara Hidup														
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tidak tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.														
Syarat Kelayakan	1. Bayaran Imbuhan Wilayah (BIW) layak dibayar kepada: a. pegawai yang bertukar wilayah; dan b. pegawai yang berasal dari Sabah, Sarawak dan Labuan yang berkhidmat di wilayah masing-masing. 2. Dibayar kepada pegawai mulai dari tarikh pegawai mengisytiharkan wilayah asal atau tarikh melaporkan diri di wilayah baharu, mengikut mana yang terkemudian.														
Kadar	1. Penerima sedia ada: Kadar tetap berdasarkan amaun terakhir BIW yang diterima sebelum tarikh kuat kuasa SSPA. 2. Pegawai lantikan baharu atau pegawai yang baru berkelayakan mulai 1 Disember 2024 akan menerima elaun pada kadar tetap seperti berikut: <table><tr><th>Kumpulan Perkhidmatan</th><th>Gred</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr><tr><td>Pengurusan Tertinggi</td><td>Utama/Khas</td><td>960.00</td></tr><tr><td>Pengurusan dan Profesional</td><td>9 - 15</td><td>360.00</td></tr><tr><td rowspan="2">Pelaksana</td><td>5 - 8</td><td>300.00</td></tr><tr><td>1 – 4</td><td>270.00</td></tr></table>	Kumpulan Perkhidmatan	Gred	Kadar Sebulan (RM)	Pengurusan Tertinggi	Utama/Khas	960.00	Pengurusan dan Profesional	9 - 15	360.00	Pelaksana	5 - 8	300.00	1 – 4	270.00
Kumpulan Perkhidmatan	Gred	Kadar Sebulan (RM)													
Pengurusan Tertinggi	Utama/Khas	960.00													
Pengurusan dan Profesional	9 - 15	360.00													
Pelaksana	5 - 8	300.00													
	1 – 4	270.00													

	3. Penerima BIW (wilayah asal adalah Sabah/Sarawak/W.P. Labuan) yang menerima kadar BIW lebih rendah daripada kadar Bayaran Imbuan Sara Hidup (BISH) mengikut kawasan, pegawai akan menerima BIW pada kadar BISH mengikut kawasan berkenaan (hanya terpakai kepada pegawai yang bertukar wilayah ke Semenanjung sahaja). 4. Penerima BIW (wilayah asal adalah Semenanjung) yang baru berkelayakan akan menerima BIW pada kadar BISH yang diterima sebelum bertukar wilayah jika kadar tetap BIW adalah lebih rendah daripada kadar BISH.
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Perenggan 3, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1987 2. Perenggan 2 dan 4, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1988 3. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1990 4. Perenggan 1, Lampiran I, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012 5. Surat JPA.(S).800-7/2/49 (7) bertarikh 30 Mei 2023 6. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	1. Pindaan nama daripada Bayaran Insentif Wilayah; 2. Pegawai bertukar wilayah iaitu pegawai yang berkhidmat di wilayah selain dari wilayah asalnya dalam keadaan-keadaan berikut: a. pegawai yang berasal dari Sabah dan ditempatkan berkhidmat di Semenanjung, Sarawak atau Labuan; b. pegawai yang berasal dari Sarawak dan ditempatkan berkhidmat di Sabah, Semenanjung atau Labuan; c. pegawai yang berasal dari Semenanjung dan ditempatkan berkhidmat di Sarawak, Sabah atau Labuan; atau d. pegawai berasal dari Labuan dan ditempatkan berkhidmat di Semenanjung, Sabah atau Sarawak. 3. Penentuan wilayah asal adalah berdasarkan perkara-perkara seperti berikut: a. wilayah kelahiran ibu bapa pegawai sekiranya ibu dan bapa pegawai lahir di wilayah yang sama;

	b. wilayah kelahiran ibu atau wilayah kelahiran bapa sekiranya ibu bapa pegawai dilahirkan di wilayah yang berbeza; c. bagi pegawai yang ibu bapanya memperoleh taraf penduduk tetap atau warganegara Malaysia, wilayah asal mereka adalah merujuk kepada wilayah tempat tinggal ibu bapa pegawai berkenaan ketika memperolehi Kad Pengenalan Bertaraf Penduduk Tetap atau Sijil Warganegara Malaysia; d. wilayah kelahiran ibu atau bapa angkat bagi pegawai yang diambil sebagai anak angkat melalui pengangkatan yang sah; atau e. kes-kes lain selain yang dijelaskan di perenggan (a) hingga (d) di atas hendaklah dirujuk kepada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dipertimbangkan. 4. Pegawai bertukar wilayah hendaklah mengisytiharkan wilayah asalnya semasa pertama kali dilantik ke dalam perkhidmatan awam menggunakan Borang E4-U5. Pengisytiharan ini hanya boleh dilakukan sebanyak sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan dan direkodkan di dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai. 5. Tafsiran: a. “wilayah” bermaksud Semenanjung Malaysia, Sarawak, Sabah dan Labuan. b. “wilayah berkhidmat” bermaksud wilayah di mana pegawai ditempatkan/diarahkan bertugas.
--	--

Borang Pengisytiharan Wilayah Asal

Maklumat Pegawai	
Nama:	
No. Kad Pengenalan (Mykad):	
Tempat Lahir Pegawai:	
Maklumat Bapa Pegawai	
Nama:	
No. Kad Pengenalan (Mykad/Mypr):	
Tempat Lahir:	
Maklumat Ibu Pegawai	
Nama:	
No. Kad Pengenalan (Mykad/Mypr):	
Tempat Lahir:	
Pemilihan Wilayah Asal Pegawai	
Wilayah Asal:	
Tandatangan:	
Kelulusan Ketua Jabatan	
Saya mengesahkan bahawa berdasarkan maklumat di atas, pegawai berasal dari wilayah: ☐ Semenanjung ☐ Sarawak ☐ Sabah ☐ Labuan Tandatangan: Nama: Tarikh:	

**Pengisytiharan wilayah perlu disertakan bersama salinan Sijil Kelahiran Ibu dan Bapa/salinan Kad Pengenalan Bertaraf Penduduk Tetap Ibu atau Bapa/Sijil Warganegara Malaysia Ibu atau Bapa/Akuan Bersumpah dan Sijil Kelahiran Pegawai.*

Nama Elaun	Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan dan Pergigian																					
Tahun Pewujudan	2010																					
Objektif	Memastikan tugas pengajaran dalam bidang perubatan dan pergigian dilaksanakan oleh Pensyarah yang berkepakaran dan berkemahiran.																					
Kriteria	Kelayakan																					
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.																					
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada Pensyarah Perubatan/Pensyarah Pergigian di Universiti Awam yang menjalankan tugas pengajaran dan pembelajaran serta melaksanakan tugas-tugas klinikal (dengan kelulusan kepakaran klinikal) dan tugas-tugas pre-klinikal (tanpa kelulusan kepakaran klinikal).																					
Kadar	<table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Gred</th><th colspan="2">Kadar Sebulan (RM)</th></tr> <tr> <th>Dengan Kelulusan Kepakaran Klinikal</th><th>Tanpa Kelulusan Kepakaran Klinikal</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Utama/Khas dan ke atas</td><td>1,200.00</td><td>1,000.00</td></tr> <tr> <td>15</td><td>1,000.00</td><td>-</td></tr> <tr> <td>14</td><td>1,000.00</td><td>800.00</td></tr> <tr> <td>13</td><td>800.00</td><td>600.00</td></tr> <tr> <td>13P</td><td>600.00</td><td>400.00</td></tr> </tbody> </table>		Gred	Kadar Sebulan (RM)		Dengan Kelulusan Kepakaran Klinikal	Tanpa Kelulusan Kepakaran Klinikal	Utama/Khas dan ke atas	1,200.00	1,000.00	15	1,000.00	-	14	1,000.00	800.00	13	800.00	600.00	13P	600.00	400.00
Gred	Kadar Sebulan (RM)																					
	Dengan Kelulusan Kepakaran Klinikal	Tanpa Kelulusan Kepakaran Klinikal																				
Utama/Khas dan ke atas	1,200.00	1,000.00																				
15	1,000.00	-																				
14	1,000.00	800.00																				
13	800.00	600.00																				
13P	600.00	400.00																				
Penerima	Universiti Awam																					
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2010 2. Surat JPA.SARAAN(S)193/7/3 Klt. 15 (36) bertarikh 9 Februari 2015 3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.																					

Nama Elaun	Bayaran Insentif Arahkan Pertukaran Wilayah
Tahun Pewujudan	1980
Objektif	Dibayar kepada pegawai yang diarahkan bertukar wilayah bagi membantu pegawai mengurus keperluan diri serta keluarga di wilayah berkenaan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tidak tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun
Syarat Kelayakan	1. Bayaran Insentif Arahkan Pertukaran Wilayah (BIAPW) layak dituntut oleh pegawai apabila diarahkan bertukar kembali ke wilayah asalnya; 2. Bagi pasangan suami isteri yang bertukar ke wilayah yang sama, hanya seorang sahaja yang layak menuntut elaun ini berasaskan kepada pegawai yang menerima gaji hakiki yang lebih tinggi; 3. Pegawai bertukar wilayah iaitu pegawai yang berkhidmat di wilayah selain dari wilayah asalnya dalam keadaan-keadaan berikut: a. pegawai yang berasal dari Sabah dan ditempatkan berkhidmat di Semenanjung, Sarawak atau Labuan; b. pegawai yang berasal dari Sarawak dan ditempatkan berkhidmat di Sabah, Semenanjung atau Labuan; c. pegawai yang berasal dari Semenanjung dan ditempatkan berkhidmat di Sarawak, Sabah atau Labuan; atau d. pegawai berasal dari Labuan dan ditempatkan berkhidmat di Semenanjung, Sabah atau Sarawak. 4. Penentuan wilayah asal adalah berdasarkan perkara-perkara seperti berikut: a. wilayah kelahiran ibu bapa pegawai sekiranya ibu dan bapa pegawai lahir di wilayah yang sama; b. wilayah kelahiran ibu atau wilayah kelahiran bapa sekiranya ibu bapa pegawai dilahirkan di wilayah yang berbeza;

	c. bagi pegawai yang ibu bapanya memperoleh taraf penduduk tetap atau warganegara Malaysia, wilayah asal mereka adalah merujuk kepada wilayah tempat tinggal ibu bapa pegawai berkenaan ketika memperoleh Kad Pengenalan Bertaraf Penduduk Tetap atau Sijil Warganegara Malaysia; d. wilayah kelahiran ibu atau bapa angkat bagi pegawai yang diambil sebagai anak angkat melalui pengangkatan yang sah; atau e. kes-kes lain selain yang dijelaskan di perenggan (a) hingga (d) di atas hendaklah dirujuk kepada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dipertimbangkan. 5. Pegawai bertukar wilayah hendaklah mengisytiharkan wilayah asalnya semasa pertama kali dilantik ke dalam perkhidmatan awam menggunakan Borang E4-U5. Pengisytiharan ini hanya boleh dilakukan sebanyak sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan dan direkodkan di dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai; dan 6. Pegawai yang sedang dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa peraturan ini dan tidak pernah mengisytiharkan wilayah asalnya, pegawai boleh melakukan pengisytiharan apabila pegawai bertukar wilayah.
Kadar	1. Sebulan gaji hakiki yang diterima pegawai sebelum diarahkan bertukar kembali ke wilayah asalnya. 2. Pegawai boleh, sekiranya perlu memohon pendahuluan diri sebanyak separuh daripada gaji hakiki yang diterima sebelum bertukar wilayah.
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Perenggan 4.1, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1988 2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Rujukan: **E4-U8**

Nama Elaun	Bayaran Insentif Bahasa
Tahun Pewujudan	1957
Objektif	Menjamin perkhidmatan penterjemahan bahasa dilaksanakan dengan betul dan tepat.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) yang mempunyai kelayakan dan menjalankan tugas penterjemahan.
Kadar	Seperti di Jadual E4-U8
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 1975 2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 1976 3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Jadual E4-U8: Kadar Bayaran Insentif Bahasa

Bahasa	Kadar Sebulan (RM)
Inggeris Darjah Khas	80.00
Tulisan Cina Menengah Darjah Khas	60.00 100.00
Hokchiu, Hing Hua, Hainanese, Shanghainese	45.00
Cantonese, Hakka	35.00
Hokkien/Teochew <i>(apabila kedua-dua loghat tidak digunakan sebagai syarat lantikan atau tambahan berpencen kepada gaji bulanan)</i>	35.00
Hokkien/Teochew <i>(apabila salah satu loghat digunakan sebagai syarat lantikan atau tambahan berpencen kepada gaji bulanan)</i>	25.00
Jepun ● Pertengahan ● Khas	60.00 100.00
Siam, Jawa, Bugis, Boyan, Arab ● Lisan ● Bertulis	35.00 45.00
Tamil, Telugu, Malayalam, Punjabi, Marathi, Pushtu, Bengali, Singhalese, Gujerati ● Lisan ● Bertulis	35.00 45.00
Hindustani, Urdu/Hindi <i>(apabila kedua-dua loghat tidak digunakan sebagai syarat lantikan atau tambahan berpencen kepada gaji bulanan)</i> ● Lisan ● Bertulis	35.00 45.00
Hindustani, Urdu/Hindi <i>(apabila salah satu loghat digunakan sebagai syarat lantikan atau tambahan berpencen kepada gaji bulanan)</i> ● Lisan ● Bertulis	25.00 35.00

Nama Elaun	Bayaran Insentif Bahasa (PDRM dan Jabatan Penjara Malaysia)	
Tahun Pewujudan	1957	
Objektif	Menjamin perkhidmatan penterjemahan bahasa di PDRM dan Jabatan Penjara dilaksanakan dengan betul dan tepat.	
Kriteria	Kelayakan	
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada syarat umum pemberian elaun.	
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada Pegawai Rendah Polis dan Konstabel serta Pegawai Penjara yang mempunyai sijil atau kelulusan yang diiktiraf oleh badan perkhidmatan berkaitan dan dilantik sebagai jurubahasa.	
Kadar		
	Bahasa Yang Layak Dibayar	Kadar Sebulan (RM)
	1. Russia 2. Arab 3. Jerman 4. Jepun 5. Korea 6. Tagalog 7. Vietnam 8. Kampuchea 9. Perancis 10. Tamil 11. Urdu 12. Jawa 13. Thai 14. Hainan (Cina) 15. Hokkien (Cina) 16. Teochew (Cina)	50.00 satu bahasa (maksimum 100.00 jika mempunyai kemahiran 2 bahasa atau lebih)
Kadar tambahan: Bagi pegawai yang mempunyai kecekapan lisan dalam Bahasa Mandarin dan tulisan Cina, kadar elaun adalah sebanyak RM58.00 sebulan.		

Penerima	1. Jabatan Penjara Malaysia 2. Polis Diraja Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)63/2/2(43) bertarikh 17 Mac 1986 2. Surat JPA(S)BGE63/122/1-2/(25) bertarikh 8 Mac 2007 3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Nama Elaun	Bayaran Insentif Bahasa Asing
Tahun Pewujudan	1991
Objektif	Menjamin komunikasi dalam rundingan diplomatik dan perdagangan dilaksanakan dengan berkesan.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada: a. Pegawai di luar negara yang menggunakan kemahiran berbahasa asing semasa menjalankan tugas rasmi; atau b. Pegawai yang berkhidmat di dalam negara dan diarah menggunakan bahasa asing oleh Ketua Jabatan dalam melaksanakan tugas perundingan di peringkat antarabangsa dalam urusan diplomatik dan perdagangan. 2. Bahasa yang layak dipertimbangkan adalah seperti berikut: a. Arab; b. Jepun; c. Rusia; d. Mandarin; e. Perancis; f. Sepanyol; atau g. Bahasa rasmi negara penempatan penugasan pegawai kecuali Bahasa Inggeris dan penempatan di negara Brunei, Indonesia dan Singapura. 3. Pegawai hendaklah mengemukakan sijil kemahiran bahasa asing yang mengesahkan tahap kemahiran dalam bahasa yang dituntut; 4. Pegawai boleh dibayar maksimum dua (2) bahasa asing dalam satu masa; 5. Bayaran insentif dibayar mulai bulan berikutnya selepas tarikh kelulusan permohonan; dan 6. Jika penterjemah digunakan, pegawai hanya layak diberi bayaran insentif ini pada tahap asas atau pertengahan sahaja.

Kadar		
	Tahap Kemahiran Bahasa Asing	Kadar Sebulan bagi Satu Bahasa (RM)
	Asas (<i>Basic</i>) / Pertengahan (<i>Intermediate</i>)	200.00
	Lanjutan (<i>Advanced</i>)	300.00
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi	
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2009 2. Surat JPA(S)63/2 Klt. 3 (3) bertarikh 28 Julai 2022 3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.	
Catatan	Borang Permohonan Bayaran Insentif Bahasa Asing adalah seperti di Borang E4-U10 .	

BORANG PERMOHONAN BAYARAN INSENTIF BAHASA ASING

A. MAKLUMAT PEMOHON

1. Nama :
2. No. Kad Pengenalan/No. Pasport :
3. Kementerian/Jabatan :
4. Tarikh Melapor Diri Di Perwakilan
(Bagi pegawai yang berkhidmat di luar negeri) :
5. Tempoh Perundingan
(Bagi pegawai yang berkhidmat di Malaysia) :

B. ELAUN BAHASA ASING YANG DIPOHON

Bil.	Jenis Bahasa Asing	Tahap Kemahiran	Tarikh Sijil Dikeluarkan
1.			
2.			

C. PENGAKUAN PEMOHON

Saya mengaku bahawa butir-butir di atas adalah benar dan sekiranya khidmat penterjemah digunakan semasa menjalankan tugas rasmi di luar negeri atau melaksanakan tugas perundingan di peringkat antarabangsa, saya hanya layak dibayar Elaun Bahasa Asing pada tahap asas (*basic*)/pertengahan (*intermediate*) dan tidak layak dibayar pada tahap lanjutan (*advanced*).

Tandatangan :

Tarikh :

D. KELULUSAN KETUA JABATAN

- i) Pegawai ini disahkan menggunakan/tidak menggunakan* bahasa asing di atas dalam menjalankan tugasnya.
- ii) Pegawai ini disahkan memenuhi/tidak memenuhi* syarat kelayakan Bayaran Insentif Bahasa Asing.
- iii) Permohonan ini diluluskan/tidak diluluskan*.

CATATAN:

.....

Nama : Tandatangan :
 Jawatan : Tarikh :

Nota: Borang ini hendaklah diisi semula sekiranya pegawai bertukar Perwakilan/terdapat perubahan maklumat/setiap tugas perundingan berbeza.

**Potong yang mana tidak berkenaan.*

Nama Elaun	Bayaran Insentif Bertugas di Bilik Mayat
Tahun Pewujudan	1985
Objektif	Memastikan tugas pengendalian mayat mematuhi prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan yang ditempatkan dan menjalankan tugas secara sepenuh masa di Bilik Mayat di fasiliti kesihatan Kerajaan; dan 2. Bayaran bermula dari tarikh pegawai berkenaan diarah menjalankan tugas tersebut.
Kadar	RM150.00 sebulan
Penerima	1. Kementerian Kesihatan Malaysia 2. Hospital Universiti, Kementerian Pendidikan Tinggi
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S) 471/Klt. 4/(2) bertarikh 6 November 1985 2. Surat JPA(S)471/Klt.5/(SV 5) bertarikh 25 September 2002 3. Surat JPA(S)471/Klt.5(57) bertarikh 12 Julai 2003 4. Surat JPA(S)471/Klt. 10(3) bertarikh 20 Oktober 2005 5. Surat JPA.(S).800-4/2/48 Jld. 2 (4) bertarikh 15 Februari 2023 6. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Nama Elaun	Bayaran Insentif Bomba						
Tarikh Pewujudan	1972						
Objektif	Memastikan penugasan berterusan di balai bomba mampu memberi perkhidmatan kebombaannya dan penyelamatan sampai di tempat kejadian dalam tempoh yang ditetapkan.						
Kriteria	Penempatan						
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada syarat umum pemberian elaun.						
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada: 1. Pegawai Bomba yang bertugas di Balai Bomba selama 12 jam atau 24 jam; dan 2. Pegawai Bomba yang bertugas sebagai Pegawai Penjaga Balai dan Ketua Operasi Negeri seperti berikut: a. Pegawai Bomba Gred KB3 dan Gred KB4; b. Penolong Penguasa Bomba Gred KB7 dan Gred KB8; dan c. Penguasa Bomba Gred KB9 dan ke atas.						
Kadar	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Masa Bertugas</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>12 jam</td><td>110.00</td></tr> <tr> <td>24 jam</td><td>220.00</td></tr> </tbody> </table>	Masa Bertugas	Kadar Sebulan (RM)	12 jam	110.00	24 jam	220.00
Masa Bertugas	Kadar Sebulan (RM)						
12 jam	110.00						
24 jam	220.00						
Penerima	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia						
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)63/138 Klt.2/(14) bertarikh 30 Jun 1995 2. Surat JPA(S)63/138 Klt.2/(49) bertarikh 7 November 2000 3. Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.3 (17) bertarikh 7 Februari 2005 4. Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.3(17) bertarikh 3 Mei 2006 5. Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.5/(39) bertarikh 4 Mei 2007 6. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.						

Nama Elaun	Bayaran Insentif HAZMAT
Tarikh Pewujudan	2004
Objektif	Memastikan perkhidmatan kebombaan yang berkesan dalam menangani bencana atau insiden berkaitan bahan-bahan berbahaya dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	- Dibayar kepada: - Pegawai Bomba yang bertugas di Unit HAZMAT; dan - Jurulatih/Tenaga Pengajar di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia. - Lulus Kursus Pentauliah HAZMAT oleh badan tauliah yang berkelayakan; - Memiliki Watikah Pelantikan sebagai Pegawai HAZMAT; dan - Lulus pemeriksaan kesihatan tahunan oleh Pegawai Perubatan.
Kadar	- Pegawai bomba di Unit HAZMAT dibayar pada kadar RM100.00 sebulan (kadar tetap), tambahan RM30.00 per operasi, maksimum RM600.00 sebulan; dan - Bagi Jurulatih/Tenaga Pengajar di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia dibayar pada kadar RM30.00 per operasi, maksimum RM600.00 sebulan.
Penerima	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	- Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 klt.3(9) bertarikh 8 November 2004 - Surat JPA.SARAAN(S)63/164-1 Jld.11(1) bertarikh 16 Januari 2019 - Surat JPA.SARAAN(S)6/164-1 Jld.12(20) bertarikh 19 Julai 2022 - Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Nama Elaun	Bayaran Insentif Juruterbang								
Tahun Pewujudan	1976								
Objektif	Memastikan perkhidmatan awam mempunyai Juruterbang yang berkemahiran dalam pengendalian setiap jenis pesawat yang berdaftar di Malaysia serta kompeten dalam melakukan audit organisasi dan undang-undang penerbangan								
Kriteria	Kelayakan								
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tidak tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun								
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada Juruterbang/Pemeriksa Juruterbang di Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia								
Kadar	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Jawatan Dan Bidang Tugas</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Juruterbang yang mempunyai <i>Airline Transport Pilot Licence</i></td><td>8,000.00</td></tr> <tr> <td>Juruterbang yang mempunyai <i>Commercial Pilot Licence/Instrument</i></td><td>6,000.00</td></tr> <tr> <td>Juruterbang Penguji Pesawat Udara</td><td>4,500.00</td></tr> </tbody> </table>	Jawatan Dan Bidang Tugas	Kadar Sebulan (RM)	Juruterbang yang mempunyai <i>Airline Transport Pilot Licence</i>	8,000.00	Juruterbang yang mempunyai <i>Commercial Pilot Licence/Instrument</i>	6,000.00	Juruterbang Penguji Pesawat Udara	4,500.00
Jawatan Dan Bidang Tugas	Kadar Sebulan (RM)								
Juruterbang yang mempunyai <i>Airline Transport Pilot Licence</i>	8,000.00								
Juruterbang yang mempunyai <i>Commercial Pilot Licence/Instrument</i>	6,000.00								
Juruterbang Penguji Pesawat Udara	4,500.00								
Penerima	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia								
Pembatalan PP/SPP/SE	- Perenggan 1(a), JPA 535/74/7sk/Gaji/(59) bertarikh 2 Februari 1980 - Surat JPA(S) 215/8/2-1 Klt.2(38) bertarikh 25 Mac 1996 - Perenggan 2.3, surat JPA(S)215/8/2-1 Klt.4 (5) bertarikh 21 Mac 2007 - Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.								

Nama Elaun	Bayaran Insentif Kemahiran (JBPM)										
Tahun Pewujudan	1994										
Objektif	Memastikan tugas penyelenggaraan dan pembaikan jentera di woksyp bomba dikendalikan oleh pegawai bomba berkelayakan.										
Kriteria	Kelayakan										
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.										
Syarat Kelayakan	1. Mempunyai kelayakan dan kemahiran yang diiktiraf dan menjalankan kerja penyelenggaraan dan pembaikan jentera dan peralatan bermotor di woksyp bomba; dan 2. Dibayar juga kepada Pegawai Bomba yang dilantik sebagai wakil Bahagian Pembangunan Kejuruteraan dan Logistik.										
Kadar	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Kelayakan</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Gred Khas/SKM Tahap III/Setaraf</td><td>180.00</td></tr> <tr> <td>Gred I/SKM Tahap II/Setaraf</td><td>150.00</td></tr> <tr> <td>Gred II/SKM Tahap I/Setaraf</td><td>120.00</td></tr> <tr> <td>Gred III/Asas Ketukangan Khas</td><td>90.00</td></tr> </tbody> </table>	Kelayakan	Kadar Sebulan (RM)	Gred Khas/SKM Tahap III/Setaraf	180.00	Gred I/SKM Tahap II/Setaraf	150.00	Gred II/SKM Tahap I/Setaraf	120.00	Gred III/Asas Ketukangan Khas	90.00
Kelayakan	Kadar Sebulan (RM)										
Gred Khas/SKM Tahap III/Setaraf	180.00										
Gred I/SKM Tahap II/Setaraf	150.00										
Gred II/SKM Tahap I/Setaraf	120.00										
Gred III/Asas Ketukangan Khas	90.00										
Penerima	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia										
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)63/138/Klt.1(15) bertarikh 28 Oktober 1994 2. Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.6(28) bertarikh 26 Mac 2010 3. Surat JPA.SARAAN(S)63/164-1 Jld.12(2) bertarikh 16 Februari 2021 4. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.										
Catatan	Pindaan nama daripada Bayaran Insentif Ketukangan (Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia).										

Nama Elaun	Bayaran Insentif Kemahiran (Jabatan Penjara Malaysia)
Tahun Pewujudan	1953
Objektif	Memastikan tugas ketukangan dikendalikan oleh pegawai yang berkelayakan dan mematuhi prosedur.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Mempunyai kelayakan dan kemahiran yang diiktiraf oleh Jabatan; 2. Dibayar kepada Pegawai Penjara Gred KA1, KA2 dan yang bertugas sebagai: a. Pengajar kepada banduan; b. Pegawai Amra; dan c. Pembantu Pegawai Perubatan. 3. Dibayar kepada Pegawai Penjara Gred KA2 dan KA3 yang mengisi gred kenaikan pangkat secara <i>Time-Based Berasaskan Kecemerlangan</i> (TBBK) dan menjalankan tugas seperti di Perenggan 2(a), (b) atau (c); dan 4. Memiliki sijil kemahiran atau kelayakan dan menjalankan tugas mengikut kemahiran berkaitan seperti di Jadual E4-U16.
Kadar	Kadar berdasarkan kelayakan seperti di Jadual E4-U16 .
Penerima	Jabatan Penjara Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S) 63/122/1 (22) bertarikh 16 April 2002 2. Surat JPA(S)63/122/1 Klt.2(27) bertarikh 8 Disember 2009 3. Surat JPA(S)63/122/1-1 Klt.4(5) bertarikh 26 Mac 2010 4. Surat JPA.(S).800-7/2/103(9) bertarikh 7 Disember 2022 5. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	1. Pindaan nama daripada Bayaran Insentif Ketukangan (Jabatan Penjara Malaysia). 2. Sebarang perubahan pada bidang kemahiran perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam.

**Jadual E4-U16: Kelayakan dan Kadar Bayaran Insentif Kemahiran
(Jabatan Penjara Malaysia)**

Jenis Kemahiran	Gred	Kelayakan	Kadar Sebulan (RM)
Agama	Gred 1	Kursus Hal Ehwal Islam (JAKIM)	120.00
	Gred 2	Kursus Asas Hal Ehwal Islam (JAKIM)	90.00
	Gred 3	Sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia	60.00
Muzik	Gred 1	Sijil Muzik Gred 8	120.00
	Gred 2	Sijil Muzik sekurang-kurangnya Gred 3	90.00
	Gred 3	Sijil Muzik Gred 1 dan 2 (Sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia)	60.00
Kemahiran Lain (Sedia Ada)	Gred 1	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2	120.00
	Gred 2	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1	90.00
	Gred 3	Sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia	60.00
Amra	Gred 1	Kursus Kemahiran Pengendalian Senjata Api ATM/PDRM	120.00
	Gred 2	Kursus Asas Kemahiran Pengendalian Senjata Api ATM/PDRM	90.00
	Gred 3	Sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia	60.00
Perubatan	Gred 1	Kursus `Medical Orderly` Kementerian Kesihatan Malaysia	120.00
	Gred 2	Kursus Asas `Medical Orderly` Kementerian Kesihatan Malaysia	90.00
	Gred 3	Sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia	60.00

Nama Elaun	Bayaran Insentif Kemahiran (Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia)
Tahun Pewujudan	2015
Objektif	Memastikan tugas pemeriksaan kualiti kayu dilaksanakan oleh pegawai yang berkelayakan.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada Pembantu Ehwal Ekonomi Gred E1, E2 dan E3 yang bertugas sebagai Pemeriksa Kawalan Kualiti yang memiliki Sijil Kelayakan Memeringkat (C.O.C) Gred 8.
Kadar	RM120.00 sebulan
Penerima	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA.SARAAN(S)262/6/2-3 Jld. 2 (9) bertarikh 10 Februari 2015 2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Pindaan nama daripada Bayaran Insentif Ketukangan (Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia).

Nama Elaun	Bayaran Insentif Kemahiran Anak Kapal (JKDM)										
Tahun Pewujudan	2015										
Objektif	Memastikan pengendalian enjin dan pengemudian bot kastam dilaksanakan dengan cekap oleh pegawai yang berkemahiran.										
Kriteria	Kelayakan										
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.										
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada Pembantu Penguasa Kastam Gred WK1 dan WK2 di Unit Marin, Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia; dan 2. Lulus sijil kompetensi yang diiktiraf oleh badan perkhidmatan serta menjalankan tugas dalam bidang kemahiran (Anak Kapal).										
Kadar	<table><tr><th>Kategori</th><th>Sijil Kompetensi</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr><tr><td>Navigasi</td><td>Jurumudi Mate <500 GT <i>Domestic Voyage</i></td><td rowspan="2">120.00</td></tr><tr><td>Kejuruteraan</td><td>Juruenjin Kelas III <i>Engineer Officer</i> <750kW <i>Near Coastal</i></td></tr></table>			Kategori	Sijil Kompetensi	Kadar Sebulan (RM)	Navigasi	Jurumudi Mate <500 GT <i>Domestic Voyage</i>	120.00	Kejuruteraan	Juruenjin Kelas III <i>Engineer Officer</i> <750kW <i>Near Coastal</i>
Kategori	Sijil Kompetensi	Kadar Sebulan (RM)									
Navigasi	Jurumudi Mate <500 GT <i>Domestic Voyage</i>	120.00									
Kejuruteraan	Juruenjin Kelas III <i>Engineer Officer</i> <750kW <i>Near Coastal</i>										
Agensi	Jabatan Kastam Diraja Malaysia										
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA.SARAAN(S)63/88/1 Jld. 5 (19) bertarikh 19 Januari 2015 2. Surat JPA(S)215/8/2 Klt.5(10) bertarikh 29 Mac 2010 3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.										
Catatan	Pindaan nama daripada Bayaran Insentif Ketukangan Anak Kapal (Jabatan Kastam Diraja Malaysia).										

Nama Elaun	Bayaran Insentif Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan
Tahun Pewujudan	2007
Objektif	Menggalakkan pegawai untuk berkhidmat di kawasan pedalaman berdasarkan penentuan lokasi dan tahap kesusahan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Diarah secara bertulis dan ditempatkan di sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), klinik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau pejabat-pejabat agensi/Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) di kawasan pedalaman Bayaran Insentif Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (BIMLTK); 2. Kawasan dan kategori pedalaman adalah diputuskan oleh Jawatankuasa Induk Pemantauan Kementerian masing-masing berdasarkan kriteria mod pengangkutan, risiko perjalanan, utiliti, kediaman, sanitasi, telekomunikasi, perkhidmatan kesihatan dan pendidikan serta kemudahan lain. Senarai kawasan dan kategori pedalaman yang menerima BIMLTK perlu dirujuk di Kementerian masing-masing; 3. Berkhidmat sekurang-kurangnya satu (1) bulan di kawasan pedalaman BIMLTK; 4. Pegawai yang menerima BIMLTK turut dibayar Elaun Balik Kampung (EBK*) mengikut kelayakan perjalanan pegawai semasa bertugas rasmi. Kemudahan EBK diberi sekali setahun dan hanya layak setelah pegawai berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) bulan di kawasan pedalaman tersebut; 5. Bagi suami isteri yang bertugas di kawasan pedalaman BIMLTK, kedua-dua pegawai layak dibayar BIMLTK; 6. Pegawai yang menerima BIMLTK dan EBK tidak layak diberikan Bayaran Insentif Pedalaman (BIP) dan kemudahan Tambang Ziarah Wilayah (TZW); dan 7. Mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan BIMLTK yang ditetapkan oleh Kementerian masing-masing.

	<u>Syarat kelayakan khusus bagi KPM:</u> Dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan Pegawai Kumpulan Pelaksana yang berkhidmat di sekolah-sekolah di kawasan pedalaman BIMLTK. <u>Syarat Kelayakan khusus bagi KKM:</u> Dibayar kepada petugas-petugas KKM yang berkhidmat di klinik-klinik di kawasan pedalaman BIMLTK. <u>Syarat Kelayakan khusus bagi KDN:</u> - Dibayar kepada pegawai di pejabat-pejabat agensi/Jabatan di bawah KDN iaitu Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM); dan - Hanya melibatkan fasiliti KDN yang berhampiran dengan sekolah di bawah KPM dan/atau klinik di bawah KKM yang menerima BIMLTK.								
Kadar	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Kawasan</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pedalaman 3</td><td>1,500.00</td></tr> <tr> <td>Pedalaman 2</td><td>1,000.00</td></tr> <tr> <td>Pedalaman 1</td><td>500.00</td></tr> </tbody> </table>	Kawasan	Kadar Sebulan (RM)	Pedalaman 3	1,500.00	Pedalaman 2	1,000.00	Pedalaman 1	500.00
Kawasan	Kadar Sebulan (RM)								
Pedalaman 3	1,500.00								
Pedalaman 2	1,000.00								
Pedalaman 1	500.00								
Penerima	- Kementerian Pendidikan Malaysia - Kementerian Kesihatan Malaysia - Kementerian Dalam Negeri (PDRM, JIM, JPN, RELA)								
Pembatalan PP/SPP/SE	- Surat JPA(S)63/159/7 Klt.2(11) bertarikh 10 Mei 2007 - Surat JPA(S)63/159/7 Klt.2(45) bertarikh 9 April 2009 - Surat JPA(S)63/159/7 Klt.2(49) bertarikh 14 April 2009 - Surat JPA.SARAAN(S)63/159/7 Jld. 13 SK(1) bertarikh 30 April 2020 - Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.								

Catatan	*Kelayakan EBK: 1. EBK layak kepada pegawai yang bertaraf tetap, sementara, <i>Contract of Service</i> dan sambilan yang berkhidmat di kawasan-kawasan pedalaman dan dibayar BIMLTK. 2. EBK boleh dituntut sekali dalam satu tahun kalendar. Sekiranya tidak digunakan dalam satu-satu tahun kalendar, ianya akan luput dan tidak boleh dikumpulkan atau dibawa ke tahun hadapan. 3. EBK disediakan secara dua hala iaitu pergi dan balik dari tempat tinggal pegawai di kawasan pedalaman BIMLTK ke kampung asal pegawai.
---------	---

Nama Elaun	Bayaran Insentif Menyelam
Tahun Pewujudan	1961
Objektif	Memastikan tugas menyelam dilaksanakan oleh pegawai yang berkelayakan dan mematuhi prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Mempunyai kelayakan menyelam daripada: a. Badan Profesional tertentu yang diiktiraf oleh Kementerian/Jabatan/Agensi yang terlibat bagi Penyelam Kapal/Penyelam Skuba; b. KD DUYONG, Tentera Laut Diraja Malaysia (lulus Kursus Selam Ranjau) bagi Penyelam Ranjau; atau c. VAT69 <i>Special Response Team Dive Centre</i>, Polis Diraja Malaysia bagi Penyelam Taktikal. 2. Diarahkan oleh Ketua Jabatan bagi menjalankan tugas menyelam/operasi carilamat; dan 3. Masa menyelam adalah sekurang-kurangnya 90 minit sebulan.
Kadar	Kadar seperti di Jadual E4-U20
Penerima	1. Angkatan Tentera Malaysia 2. Pusat Sains Negara 3. Jabatan Perikanan Malaysia 4. Polis Diraja Malaysia 5. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 6. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia 7. Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Perenggan 37, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980 2. Surat JPA(S)4/32-18(29) bertarikh 25 September 1984 3. Surat Perj.13914 Jld.2(SV 2) bertarikh 7 Jun 2002 4. Surat JPA(S)63/155-1(31) bertarikh 20 Oktober 2005 5. Surat Perj.13914 Jld.II(46) bertarikh 20 Oktober 2005 6. Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.3(28) bertarikh 20 Oktober 2005

	7. Surat Perj.13914 Jld.II(47) bertarikh 20 Oktober 2005 8. Surat JPA(S) 4/32-18 (66) bertarikh 20 Oktober 2005 9. Surat JPA(S)(BGE)63/17/16 Klt.4 (45) bertarikh 15 Oktober 2008 10. Surat JPA.SARAAN(S)63/187(26) bertarikh 22 Julai 2010 11. Surat JPA.SARAAN(S)63/164-1 Jld.11(1) bertarikh 16 Januari 2019 12. Surat JPA.SARAAN(S)63/187 JLD.3 (35) bertarikh 25 Julai 2022 13. Surat JPA.800-2/1/1(8) bertarikh 22 Disember 2022 14. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
--	--

Jadual E4-U20: Kadar Bayaran Insentif Menyelam Mengikut Kategori

Bil.	Kategori	Kadar Tetap	Agensi/Kumpulan Penerima
1.	Penyelam Kapal/Penyelam Skuba	RM200 sebulan	• ATM • PDRM • APMM • JBPM • PSN • DOF • NAHRIM
2.	Penyelam Ranjau	RM500 sebulan	• Pegawai dan anggota ATM yang ditempatkan di Markas Selam dan Peperangan Periuk Api, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)
		RM300 sebulan	• Pasukan Khas Laut, TLDM • Pasukan Tindakan Khas dan Penyelamat APMM
3.	Penyelam Taktikal	RM300 sebulan	• Unit 69 Komando, PDRM
4.	Tugas Carilamat (<i>Search and Rescue</i> , SAR)	a. RM30.00 bagi setiap hari operasi, terhad kepada RM600.00 sebulan termasuk kadar tetap BIM berdasarkan kelayakan. b. Bagi Jurulatih/Tenaga Pengajar di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia dibayar pada kadar RM30.00 per operasi, maksimum RM600.00 sebulan.	

Nama Elaun	Bayaran Insentif Merawat Pesakit Psikiatri, Tibi dan Kusta
Tahun Pewujudan	1959
Objektif	Memastikan tugas pengendalian rawatan pesakit tibi, kusta dan psikiatri dijalankan dengan cekap mengikut prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada anggota perubatan yang menjalankan tugas merawat pesakit psikiatri atau tibi atau kusta secara sepenuh masa di hospital yang menyediakan perkhidmatan rawatan tibi dan kusta, hospital yang diwarta menyediakan perkhidmatan psikiatri, Institut Perubatan Respiratori (IPR) dan Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN). 2. Anggota perubatan yang terlibat adalah seperti senarai berikut: a. Jururawat; b. Penolong Pegawai Perubatan; c. Pembantu Perawatan Kesihatan; d. Jururawat Masyarakat; e. Pembantu Pembedahan Pergigian yang bertugas di Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak; f. Juruteknologi Makmal Perubatan yang bertugas di IPR dan Makmal PKKN sahaja; dan g. Pembantu Teknologi Makmal Perubatan yang bertugas di IPR dan Makmal PKKN sahaja.
Kadar	RM100.00 sebulan
Penerima	Kementerian Kesihatan Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat FEO.Conf.471/Vol/11/7 bertarikh 23 Oktober 1959 2. Surat FEO.Conf.471/Vol.11/85 bertarikh 8 Disember 1965 3. Surat Perj.(S)3033/14 bertarikh 20 Februari 1970 4. Surat Perj.Sulit 3033/45 bertarikh 13 Julai 1973 5. Lampiran C6, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002

	6. Surat JPA (S) 471/Klt.5/(SV 9) bertarikh 18 Mac 2003 7. Surat JPA(S)471 Klt.10 (4) bertarikh 20 Oktober 2005 8. Surat JPA(S)471/KLT.12 (40) bertarikh 10 Februari 2009 9. Surat JPA(S)471/KLT.13 (6) bertarikh 8 Januari 2010 10. Surat JPA.SARAAN(S)63/111/1-4Jld.2(11) bertarikh 19 April 2016 11. Surat JPA.(S).800-4/2/48 Jld. 2 (4) bertarikh 15 Februari 2023 12. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Hospital yang diwarta menyediakan perkhidmatan psikiatri adalah tertakluk kepada KKM.

Nama Elaun	Bayaran Insentif Operasi Udara
Tahun Pewujudan	1980
Objektif	Memastikan tugas ketika berada di udara dilaksanakan dengan cekap dan teratur mengikut prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tidak tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat-syarat Kelayakan	Dibayar kepada pegawai di bawah Jabatan/Agensi berkaitan yang menjalankan tugas berikut: <u>Jabatan Meteorologi Malaysia</u> Pegawai yang menjalankan operasi pembenihan awan di atas kapal terbang yang bergerak. <u>Jabatan Alam Sekitar</u> Pegawai yang menjalankan tugas penguatkuasaan di lapangan melalui udara seperti berikut: - Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C9, C10 dan C12; - Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C5, C6 dan C7; dan - Penolong Jurutera Gred JA1, JA2 dan JA3. <u>Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia</u> Penolong Pemeriksa Kapal Terbang di Bahagian Kalibrasi dan Kejuruteraan yang terlibat. <u>Jabatan Perikanan Malaysia</u> Pegawai menjalankan penguatkuasaan pengawasan udara. <u>Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia</u> Penolong Jurutera di Unit Fotografi Udara, Seksyen Penawanan Data dan Seksyen Topografi yang terlibat dalam tugas <i>aerial survey</i> di atas kapal terbang yang bergerak.
Kadar	RM30.00 bagi setiap hari operasi terhad RM600.00 sebulan.
Penerima	- Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia - Jabatan Meteorologi Malaysia - Jabatan Perikanan Malaysia - Jabatan Alam Sekitar - Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia

Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)63/46/2/(13) bertarikh 20 September 1982 2. Surat JPA(S)63/46/(4) bertarikh 15 November 1990 3. Surat JPA(S)63/17/15 bertarikh 2 Januari 2003 4. Surat JPA(S)215/8/2-1 Klt. 4(5) bertarikh 21 Mac 2007 5. Surat JPA(S)63/46/2(40) bertarikh 30 Julai 2010 6. Surat JPA(S)63/46(8) bertarikh 30 Julai 2010 7. Surat JPA(S)215/8/2 Klt. 5(17) bertarikh 30 Julai 2010 8. Surat JPA(S)215/8/2-1 Klt. 5 (7) bertarikh 30 Julai 2010 9. Surat JPA(S) 63/17/15 (13) bertarikh 30 Jun 2011 10. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
----------------------	--

;

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pakar
Tahun Pewujudan	1957
Objektif	Memastikan perkhidmatan kepakaran perubatan diberikan adalah berkualiti dan disampaikan oleh pakar-pakar perubatan yang diwartakan.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada: 1. Pegawai Perubatan Pakar (Klinikal) iaitu Pegawai Perubatan/Pensyarah Perubatan yang diwartakan sebagai pakar; 2. Pegawai Pergigian Pakar (Klinikal) iaitu Pegawai Pergigian/Pensyarah Pergigian yang diwartakan sebagai pakar; 3. Pegawai Perubatan Pakar (Kesihatan Awam) seperti syarat-syarat pewartaan berikut: a. merupakan Pengamal Perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia; dan b. mempunyai kelulusan berikut: i) Sarjana Kesihatan Awam [<i>Master in Public Health (MPH)/Master in Hospital Administration (MHA)/Master in Health Planning (MHP)</i>] dengan mengikuti pengajian selama empat (4) tahun; ii) mempunyai kelulusan Sarjana Kesihatan Awam (MPH/MHA/MHP) dengan mengikuti pengajian selama satu (1) tahun dan Doktorat Kesihatan Awam (DrPH) selama tiga (3) tahun; atau iii) mempunyai kelulusan MPH/MHA/MHP dengan mengikuti pengajian selama satu (1) tahun pengajian sebelum tahun 2000 dan telah berkhidmat dalam bidang kesihatan awam selama lapan (8) tahun.

	c. Pegawai Perubatan lulusan Sarjana Kesihatan Awam yang mengikuti pengajian kurang daripada empat (4) tahun pada tahun 2000 dan selepasnya, tidak layak diwartakan sebagai pakar. d. Semua kelulusan ijazah yang dinyatakan di atas, mestilah diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. 4. Pegawai Pergigian Pakar (Kesihatan Awam) seperti syarat-syarat pewartaan berikut: a. merupakan Pengamal Pergigian yang berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia; dan b. mempunyai kelulusan seperti berikut: i. Sarjana Kesihatan Awam Pergigian dengan mengikuti pengajian selama empat (4) tahun; ii. Sarjana Kesihatan Awam Pergigian dengan mengikuti pengajian selama satu (1) tahun dan Doktor Kesihatan Awam Pergigian (DrDPH) selama tiga (3) tahun; iii. Doktor Falsafah (PhD) Kesihatan Awam Pergigian; atau iv. Sarjana Kesihatan Awam Pergigian dengan mengikuti pengajian kurang dari empat (4) tahun sebelum tahun 2011 dan telah berkhidmat dalam bidang kesihatan awam pergigian selama lapan (8) tahun selepas menerima kelayakannya. 5. Bagi tujuan pembayaran bagi pegawai di Perenggan i, ii, iii dan iv, pegawai hendaklah diwartakan sebagai pakar oleh Ketua Pengarah Kesihatan dengan nasihat tiga orang pegawai pakar yang dipilih olehnya atau Jawatankuasa Khas Perubatan/Jawatankuasa Khas setaraf dengannya yang ditubuhkan oleh Kerajaan.
--	---

Kadar	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="592 320 1091 506">Gred Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian</th><th data-bbox="1091 320 1316 506">Kadar Sebulan (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="592 506 1091 555">Utama/Khas dan ke atas</td><td data-bbox="1091 506 1316 555">3,100.00</td></tr> <tr> <td data-bbox="592 555 1091 604">15</td><td data-bbox="1091 555 1316 604">3,000.00</td></tr> <tr> <td data-bbox="592 604 1091 654">14</td><td data-bbox="1091 604 1316 654">2,800.00</td></tr> <tr> <td data-bbox="592 654 1091 703">13</td><td data-bbox="1091 654 1316 703">2,500.00</td></tr> <tr> <td data-bbox="592 703 1091 752">12</td><td data-bbox="1091 703 1316 752">2,200.00</td></tr> <tr> <td data-bbox="592 752 1091 801">11</td><td data-bbox="1091 752 1316 801">2,000.00</td></tr> <tr> <td data-bbox="592 801 1091 851">10</td><td data-bbox="1091 801 1316 851">1,900.00</td></tr> <tr> <td data-bbox="592 851 1091 900">9</td><td data-bbox="1091 851 1316 900">1,600.00</td></tr> </tbody> </table>	Gred Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian	Kadar Sebulan (RM)	Utama/Khas dan ke atas	3,100.00	15	3,000.00	14	2,800.00	13	2,500.00	12	2,200.00	11	2,000.00	10	1,900.00	9	1,600.00
Gred Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian	Kadar Sebulan (RM)																		
Utama/Khas dan ke atas	3,100.00																		
15	3,000.00																		
14	2,800.00																		
13	2,500.00																		
12	2,200.00																		
11	2,000.00																		
10	1,900.00																		
9	1,600.00																		
Penerima	1. Kementerian Kesihatan Malaysia 2. Angkatan Tentera Malaysia 3. Universiti Awam																		
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Perenggan 30, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980 2. Perenggan B2, Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996 3. Perenggan B2, Lampiran G, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2001 4. Perenggan 6, 7, 8, 9, dan 13, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2011 5. Surat JPA.SARAAN(S)2061 Jld.15(38) bertarikh 10 Mac 2015 6. Perenggan A3, Lampiran E, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2016 7. Perenggan A3, Lampiran C, Surat JPA.BPO(S)324/14/15 Jld.20 (54) bertarikh Disember 2016 8. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.																		

Catatan	1. Bagi proses pelantikan Pegawai Perubatan/Pensyarah Perubatan termasuk Pegawai Pergigian/Pensyarah Pergigian sebagai Pegawai Pakar di Angkatan Tentera Malaysia, Universiti Awam dan Hospital Universiti, pelantikan tersebut boleh dilaksana melalui penubuhan suatu Jawatankuasa Khas yang telah mendapat persetujuan Kementerian Kesihatan Malaysia. Seterusnya, maklumat pakar yang memenuhi kriteria di peringkat Jawatankuasa Khas perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kesihatan untuk kelulusan, seterusnya disiarkan di dalam Warta Kerajaan. 2. Pegawai yang turut memenuhi syarat kelayakan Elaun Pentadbiran Hospital, hanya layak dibayar satu jenis elaun sahaja, mengikut mana-mana kadar yang lebih tinggi. 3. Pengecualian pemakaian syarat umum pemberian elaun dalam keadaan Cuti Separuh Gaji dan Cuti Bergaji Penuh (Rujuk Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2009).
---------	--

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pasukan Memanjat Pokok
Tahun Pewujudan	2004
Objektif	Menghargai pasukan memanjat pokok yang melaksanakan tugas di luar skop tugas hakiki dalam memelihara dan memulihara kepelbagaian flora hutan.
Kriteria	Tanggungjawab tambahan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tidak tertakluk kepada syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada pegawai yang melakukan tugas memanjat pokok bagi mengutip biji benih pokok hutan dengan syarat seperti berikut: 1. Dilantik sebagai ahli Pasukan Memanjat Pokok oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia; 2. Diarah oleh Ketua Jabatan untuk melaksanakan tugas memanjat pokok sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan bagi melayakkan pembayaran; dan 3. Kaedah pembayaran bayaran insentif ini adalah secara tuntutan.
Kadar	1. RM200.00 sebulan kepada semua ahli Pasukan Memanjat Pokok; 2. kadar tambahan sebanyak RM20.00 sehari kepada <u>pemanjat pokok</u> dalam Pasukan Memanjat Pokok, terhad kepada RM100.00 sebulan; dan 3. had maksimum bagi pemanjat pokok adalah RM300.00 sebulan.
Penerima	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA.(S).800/6/1/48 Jld. 2(24) bertarikh 29 Februari 2024 2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Pindaan nama daripada Bayaran Insentif Tugas Memanjat Pokok.

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pasukan SMART											
Tahun Pewujudan	1994											
Objektif	Memastikan keberkesanan aktiviti-aktiviti mencari dan menyelamatkan dijalankan dengan cekap dan teratur berdasarkan prosedur yang ditetapkan.											
Kriteria	Penempatan											
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.											
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada pegawai dan anggota Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART).											
Kadar	<table><tr><th>Bil.</th><th>Pangkat /Jawatan</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr><tr><td>1.</td><td>Leftenan atau setaraf dan ke atas/Ketua Seksyen/Ketua Jurulatih/Ajutan</td><td>500.00</td></tr><tr><td>2.</td><td>Anggota-anggota lain</td><td>400.00</td></tr></table>			Bil.	Pangkat /Jawatan	Kadar Sebulan (RM)	1.	Leftenan atau setaraf dan ke atas/Ketua Seksyen/Ketua Jurulatih/Ajutan	500.00	2.	Anggota-anggota lain	400.00
Bil.	Pangkat /Jawatan	Kadar Sebulan (RM)										
1.	Leftenan atau setaraf dan ke atas/Ketua Seksyen/Ketua Jurulatih/Ajutan	500.00										
2.	Anggota-anggota lain	400.00										
Penerima	Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)											
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)215/8/7 Jld. 3 (30) bertarikh 18 Ogos 2010 2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.											

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pedalaman											
Tahun Pewujudan	1980											
Objektif	Menggalakkan pegawai untuk berkhidmat di kawasan pedalaman yang diiktiraf oleh Kerajaan Negeri.											
Kriteria	Penempatan											
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.											
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang memenuhi syarat-syarat berikut: a. Diarah secara bertulis untuk berkhidmat di kawasan pedalaman; b. Tinggal menetap di kawasan pedalaman; dan c. Berkhidmat selama tempoh satu (1) bulan kalendar atau lebih di kawasan pedalaman. 2. Senarai kawasan pedalaman perlu dirujuk kepada Kerajaan Negeri yang terlibat.											
Kadar	1. Penerima sedia ada: Kadar tetap berdasarkan amaun terakhir Bayaran Insentif Pedalaman yang diterima sebelum tarikh kuat kuasa SSPA. 2. Penerima lantikan baharu/pegawai sedia ada yang baru berkelayakan menerima kadar tetap berikut:<table><tr><th>Kumpulan Perkhidmatan</th><th>Gred</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr><tr><td>Pengurusan dan Profesional</td><td>9 - 15</td><td>210.00</td></tr><tr><td rowspan="2">Pelaksana</td><td>5 - 8</td><td>150.00</td></tr><tr><td>1 - 4</td><td>135.00</td></tr></table> 3. Penerima sedia ada yang menerima kadar tetap yang lebih rendah daripada kadar tetap baharu BIP, pegawai akan menerima kadar BIP pada kadar tetap baharu.	Kumpulan Perkhidmatan	Gred	Kadar Sebulan (RM)	Pengurusan dan Profesional	9 - 15	210.00	Pelaksana	5 - 8	150.00	1 - 4	135.00
Kumpulan Perkhidmatan	Gred	Kadar Sebulan (RM)										
Pengurusan dan Profesional	9 - 15	210.00										
Pelaksana	5 - 8	150.00										
	1 - 4	135.00										
Penerima	Semua Kementerian/Jabatan/Agensi											

Rujukan: **E4-U26**

Pembatalan PP/SPP/SE	1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2000 2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
----------------------	--

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Daerah Bukan Pakar
Tahun Pewujudan	1983
Objektif	Memelihara taraf kesihatan di daerah melalui aktiviti promosi, pencegahan, pendidikan kesihatan dan penguatkuasaan undang-undang kesihatan awam dalam aspek penyakit berjangkit dan tidak berjangkit serta kesihatan pekerjaan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada Pegawai Perubatan/Pegawai Pergigian yang tidak memiliki kelulusan lepasan ijazah dalam bidang kesihatan awam dan diwartakan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti kesihatan awam sebagai Pegawai Kesihatan Daerah/Bahagian/Kawasan; 2. Ditugaskan oleh KKM untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti kesihatan awam secara sepenuh masa termasuk penguatkuasaan akta/ordinan yang berkuat kuasa; dan 3. Dibayar mulai tarikh pegawai diwartakan atau tarikh kuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini, mengikut mana-mana tarikh yang terkemudian.
Kadar	RM250.00 sebulan
Penerima	Kementerian Kesihatan Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15 Tahun 1966 2. Perenggan 30, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1980 3. Perenggan B3, Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996 4. Perenggan B3, Lampiran G, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2001 5. Perenggan 12, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2011 6. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Catatan	Pegawai Kesihatan Daerah merujuk kepada Pegawai Perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia dan ditugaskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai Pegawai Kesihatan Daerah bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti kesihatan awam sepenuh masa termasuk penguatkuasaan akta/ordinan yang berkuat kuasa.
---------	--

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pegawai-pegawai Taman Negara						
Tahun Pewujudan	1983						
Objektif	Memastikan konservasi hidupan liar dan operasi penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam kawasan Taman Negara.						
Kriteria	Penempatan						
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada syarat umum pemberian elaun.						
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada Pegawai-pegawai di Taman Negara yang diarahkan bertugas di luar kawasan pejabat dalam Taman Negara; 2. Bertugas di luar kawasan pejabat dalam Taman Negara sekurang-kurangnya lima (5) hari dalam sebulan; dan 3. Tidak layak menuntut Elaun Lojing sekiranya bertugas di dalam kawasan Taman Negara.						
Kadar	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Gred</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>9 dan ke atas</td><td>350.00</td></tr> <tr> <td>8 dan ke bawah</td><td>250.00</td></tr> </tbody> </table>	Gred	Kadar Sebulan (RM)	9 dan ke atas	350.00	8 dan ke bawah	250.00
Gred	Kadar Sebulan (RM)						
9 dan ke atas	350.00						
8 dan ke bawah	250.00						
Penerima	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara						
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Perenggan 10, Lampiran D6, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991 2. Surat JPA.(S).800/6/1/48 Jld. 2 (19) bertarikh 31 Januari 2024 3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.						

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pembantu Pengurusan Murid di Sekolah Pendidikan Khas
Tahun Pewujudan	2009
Objektif	Memastikan aspek pengurusan dan penjagaan murid berkeperluan khas dilaksanakan dengan baik.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada: - Pembantu Pengurusan Murid yang bertugas di: - Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas; - Sekolah Menengah Pendidikan Khas; dan - Program Pendidikan Khas Integrasi di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan. - Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S1 - S2 yang bertugas sebagai Pembantu Intervensi di Pusat PERMATA Kurnia.
Kadar	RM 200.00 sebulan
Penerima	Kementerian Pendidikan Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	- Surat JPA.SARAAN(S)324/8/40/(5) bertarikh 16 April 2009 - Surat JPA(SARAAN)262/6/3-11 Klt. 10(28) bertarikh 12 Mac 2019 - Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pemuliharaan Hidupan Liar
Tahun Pewujudan	2004
Objektif	Memastikan keberkesanan pengurusan konservasi hidupan liar dan penguatkuasaan undang-undang hidupan liar.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	- Dibayar kepada pegawai Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) yang menjalankan tugas penguatkuasaan undang-undang hidupan liar dan konservasi hidupan liar seperti berikut: - Pegawai Hidupan Liar; - Penolong Pegawai Hidupan Liar; - Pembantu Hidupan Liar; - Pegawai Veterinar; - Penolong Pegawai Veterinar; - Pembantu Laut; dan - Pembantu Khidmat Am. - Bagi pegawai dalam skim perkhidmatan (d) hingga (g) dalam senarai di atas, pegawai perlu dilantik oleh Ketua Pengarah PERHILITAN untuk menjalankan tugas penguatkuasaan undang-undang hidupan liar dan konservasi hidupan liar.
Kadar	RM300.00 sebulan
Penerima	Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	- Surat JPA.(S).800/6/1/48 Jld. 2 (19) bertarikh 31 Januari 2024 - Surat JPA.(S).800-6/1/48 Jld. 2 (27) bertarikh 28 Ogos 2024 - Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Pindaan nama daripada Bayaran Insentif Perkhidmatan PERHILITAN

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pencegah
Tahun Pewujudan	1950
Objektif	Memastikan tugas penguatkuasaan dan pematuhan akta serta perundangan kastam dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada pegawai kastam yang berkhidmat di Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Pengurusan Pematuhan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia; dan 2. Melaksanakan tugas penguatkuasaan dan pematuhan akta serta perundangan kastam.
Kadar	RM300.00 sebulan
Penerima	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)1239/109 bertarikh 6 November 1981 2. Perkara 6, Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996 3. Surat JPA(S)215/8/2-1 (SV48) bertarikh 7 November 2000 4. Surat JPA(S)63/88/1 Klt. 2(35) bertarikh 22 Julai 2010 5. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Nama Elaun	Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian di Fasiliti Kesihatan di Sabah, Sarawak dan Labuan
Tahun Pewujudan	2016
Objektif	Menyediakan akses perkhidmatan kepakaran perubatan dan pergigian di Sabah, Sarawak dan Labuan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada: - Pakar Perubatan (Klinikal/Kesihatan Awam) dan Pakar Pergigian (Klinikal/Kesihatan Awam) warganegara lantikan tetap dan lantikan kontrak <i>Contract of Service (CoS)</i> yang ditempatkan/berkhidmat di fasiliti kesihatan* Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Sabah, Sarawak dan Labuan; - Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian bukan warganegara yang sedang berkhidmat di fasiliti kesihatan KKM di Sabah, Sarawak atau Labuan lantikan sebelum atau pada 1 Julai 2016. Ia tidak dipanjangkan kepada pegawai lantikan baharu. Lantikan baharu merujuk kepada Pakar Perubatan/Pergigian bukan warganegara sahaja dan dilantik ke dalam perkhidmatan selepas 1 Julai 2016 tidak termasuk pembaharuan kontrak; dan - Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian yang berkhidmat di Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Kesihatan (Pejabat Kesihatan Bahagian/Pejabat Kesihatan Kawasan/Pejabat Kesihatan Daerah) dan Pejabat Pergigian (Pejabat Pergigian Bahagian/Pejabat Pergigian Kawasan/Pejabat Pergigian Daerah) di Sabah, Sarawak dan Labuan, mulai 1 Mac 2021, tertakluk KKM mematuhi syarat-syarat berikut: - menjalankan tugas di fasiliti kesihatan berdasarkan senarai tugas yang dikemukakan oleh KKM; - Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian bertugas di fasiliti kesihatan sekurang-kurangnya lima (5) jam dalam tempoh sehari [tempoh perkhidmatan sehari yang melayakkan adalah sekurang-kurangnya lima (5) jam];

	iii. pembayaran adalah secara tuntutan bulanan mengikut bilangan hari bertugas (pro-rata) di fasiliti kesihatan dengan kadar bayaran bagi sehari bertugas; dan iv. Dibayar mulai tarikh pegawai ditempatkan berkhidmat di fasiliti kesihatan di Sabah, Sarawak dan Labuan.																										
Kadar	<table><tr><th rowspan="2">Gred</th><th colspan="2">Kadar Sebulan (RM)</th></tr><tr><th>Bandar</th><th>Luar Bandar</th></tr><tr><td>Khas A</td><td>2,000.00</td><td>2,500.00</td></tr><tr><td>Khas B</td><td>1,700.00</td><td>2,200.00</td></tr><tr><td>Khas C</td><td>1,400.00</td><td>1,900.00</td></tr><tr><td>15</td><td>1,100.00</td><td>1,600.00</td></tr><tr><td>14</td><td>1,100.00</td><td>1,600.00</td></tr><tr><td>13</td><td>800.00</td><td>1,300.00</td></tr><tr><td>12</td><td>500.00</td><td>1,000.00</td></tr></table> 1. Penetapan kadar adalah berdasarkan gred dan kawasan di mana letaknya fasiliti kesihatan (bandar atau luar bandar). Kawasan Bandar merujuk kepada kawasan yang ditadbir oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertaraf Dewan Bandaraya, Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran. Kawasan Luar Bandar merujuk kepada kawasan yang ditadbir oleh PBT bertaraf Majlis Daerah. 2. Kadar Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian di Fasiliti Kesihatan di Sabah, Sarawak dan Labuan (BIPP) yang diterima berubah apabila sesebuah kawasan dinaiktaraf dari Luar Bandar ke kawasan Bandar. 3. Pembayaran BIPP kepada Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian yang berkhidmat di Labuan adalah atas kadar Bandar.	Gred	Kadar Sebulan (RM)		Bandar	Luar Bandar	Khas A	2,000.00	2,500.00	Khas B	1,700.00	2,200.00	Khas C	1,400.00	1,900.00	15	1,100.00	1,600.00	14	1,100.00	1,600.00	13	800.00	1,300.00	12	500.00	1,000.00
Gred	Kadar Sebulan (RM)																										
	Bandar	Luar Bandar																									
Khas A	2,000.00	2,500.00																									
Khas B	1,700.00	2,200.00																									
Khas C	1,400.00	1,900.00																									
15	1,100.00	1,600.00																									
14	1,100.00	1,600.00																									
13	800.00	1,300.00																									
12	500.00	1,000.00																									
Penerima	Kementerian Kesihatan Malaysia																										

Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA.SARAAN(S)2061 Jld.16 (15) bertarikh 20 November 2015 2. Surat JPA.SARAAN(S)2061 Jld.16 (21) bertarikh 30 Jun 2016 3. Surat JPA.SARAAN(S)2061 Jld.17 (12) bertarikh 31 Mac 2017 4. Surat JPA.SARAAN(S)2061 Jld.20 (5) bertarikh 25 Februari 2021 5. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	*Fasiliti kesihatan bermaksud hospital, klinik kesihatan, klinik pergigian, klinik desa, klinik bergerak, klinik komuniti dan mana-mana premis yang mana menawarkan perkhidmatan rawatan perubatan.

Nama Elaun	Bayaran Insentif Penerbangan
Tahun Pewujudan	1959
Objektif	Memastikan tugas pengendalian dan operasi pesawat udara dilaksanakan oleh pegawai dan anggota yang berkemahiran dan mengikut prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada pegawai dan anggota penerbangan yang lulus kursus yang ditetapkan oleh perkhidmatan yang berkenaan dan diiktiraf sebagai Pegawai dan Anggota Penerbangan.
Kadar	Kadar bagi Pegawai dan Anggota Penerbangan seperti di Jadual E4-U33
Penerima	1. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2. Angkatan Tentera Malaysia 3. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia 4. Polis Diraja Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S) 4/32-10(35) bertarikh 15 September 1982 2. Surat JPA(S) 4/32-10(61) bertarikh 10 Julai 1995 3. Surat JPA(S)(BGE) 4/32-10 Klt.3(6) bertarikh 12 April 2004 4. Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.2(18) bertarikh 29 Jun 2004 5. Surat JPA(S)(BGE)63/155-3(5) bertarikh 29 Jun 2004 6. Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.5/(27) bertarikh 20 Mac 2007 7. Surat JPA(S)63/17/16 Klt. 4 (9) bertarikh 15 Ogos 2008 8. Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.6(9) bertarikh 25 September 2008 9. Surat JPA(S)(BGE)63/155-3(16) bertarikh 25 September 2008 10. Surat JPA(S)(BGE)63/17/16 Klt.4 (42) bertarikh 25 September 2008 11. Surat JPA(S)(BGE)63/17/16 Klt.4 (61) bertarikh 21 November 2008 12. Perenggan 34(b), Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 25 Tahun 2009 13. Surat JPA.(S).800-7/2/56(3) bertarikh 8 Ogos 2022

Rujukan: **E4-U33**

	14. Surat JPA(S).800-7/2/93 Jld. 2 (2) bertarikh 9 Februari 2024 15. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
--	---

Jadual E4-U33: Kadar Bayaran Insentif Penerbangan

Pangkat	Kadar Sebulan (RM)				
	Latihan	Operasi			Jurulatih
		APMM, PDRM, JBPM			
		Kursus Peralihan Pesawat	Pembantu Juruterbang	Juruterbang	
		ATM*			
		(01)	(02)	(03)	
Jeneral/Leftenan Jeneral/ Laksamana Maritim	-	-	2,500.00	3,500.00	4,000.00
Mejar Jeneral/ Pesuruhjaya Polis/Laksamana Madya Maritim	-	-	2,500.00	3,500.00	4,000.00
Brig. Jeneral/Timbangan Pesuruhjaya Polis/Laksamana Pertama Maritim/ Penguasa Bomba Gred KB14	-	-	2,500.00	3,500.00	4,000.00
Kolonel/ Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis/Kepten Maritim/ Penguasa Bomba Gred KB13	-	-	2,500.00	3,500.00	4,000.00
Leftenan Kolonel/ Penolong Pesuruhjaya Polis/Komander Maritim/ Penguasa Bomba Gred KB12	-	-	2,500.00	3,500.00	4,000.00
Mejar/Timbangan Penguasa Polis/Leftenan Komander Maritim/ Penguasa Bomba Gred KB10	-	-	2,500.00	3,500.00	4,000.00

Pangkat	Kadar Sebulan (RM)				
	Latihan	Operasi			Jurulatih
		APMM, PDRM, JBPM			
		Kursus Peralihan Pesawat	Pembantu Juruterbang	Juruterbang	
		ATM*			
		(01)	(02)	(03)	
Kapten*/ Penolong Penguasa Polis/ Leftenan Maritim/ Penguasa Bomba Gred KB9	600.00	1,600.00	2,500.00	3,500.00	4,000.00
Leftenan*/ Inspektor/ Leftenan Madya Maritim/ Pen. Penguasa Bomba Gred KB6 dan Gred KB7	600.00	1,300.00	2,000.00	3,000.00	3,500.00
Leftenan Muda*/Leftenan Muda Maritim/Pen. Penguasa Bomba Gred KB5	600.00	1,000.00	1,500.00	2,000.00	-

Anak Kapal (Kadar sebulan, RM)			
Posisi	Latihan	Operasi	Jurulatih/ Pemeriksa
Operator <i>Special Mission Equipment</i> (SME)**	600.00	1,500.00	2,000.00
Kuartermaster Udara (Pemerhati Udara)/Pramugari /Jurutera Penerbangan***/ <i>Loadmaster</i>	400.00	1,000.00	-

Nota:

1. *Terpakai kepada ATM sahaja:

- a. 01 - Kursus peralihan pesawat operasi bagi Juruterbang asas yang telah menamatkan kursus penerbangan asas;

- b. 02 - Kategori Pembantu Juruterbang bagi pesawat angkut/helikopter, Wingman bagi pesawat pejuang serta anak kapal lain seperti Weapon Sensor Operator (WSO), Jurumalim dan Jurutera Penerbangan - Pegawai; dan
 - c. 03 - Kategori Komander Pesawat penerbangan operasi (Aircraft Captain) bagi pesawat angkut/helikopter, "Element lead/Tac lead/Ops lead" bagi pesawat pejuang serta anak kapal lain seperti Jurulatih WSO, Jurulatih Tactical Coordinator (TACCO), Jurulatih Jurumalim dan Jurulatih Jurutera Penerbangan.
- 2. **Terpakai kepada PDRM sahaja.
- 3. ***Terpakai kepada APMM dan JBPM sahaja.

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pengajaran Murid Berkeperluan Pendidikan Khas
Tahun Pewujudan	1989
Objektif	Memastikan pengajaran kepada murid berkeperluan pendidikan khas dilaksanakan oleh pegawai yang terlatih dan mempunyai kemahiran khusus.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan seperti berikut: a. mempunyai kelayakan dalam pendidikan khas dan terlibat secara langsung dan mengajar murid berkeperluan pendidikan khas secara sepenuh masa; atau b. mengajar murid-murid berkeperluan pendidikan khas di Sekolah Menengah Teknik/Kolej Vokasional dan guru resos yang mengajar dalam program pendidikan khas inklusif di sekolah-sekolah biasa yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi. 2. Dibayar kepada Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi yang memiliki kelayakan berikut: a. mempunyai kelayakan/kelulusan dalam pendidikan khas atau hadir kursus kemahiran pengajaran berkeperluan khas yang ditentukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi; b. terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar berkeperluan khas di Politeknik atau Kolej Komuniti; dan c. mengajar di kelas yang semua pelajarnya adalah pelajar berkeperluan khas, sekurang-kurangnya 6 jam seminggu.
Kadar	RM 250.00 sebulan
Penerima	1. Kementerian Pendidikan Malaysia 2. Kementerian Pendidikan Tinggi

Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)63/17 Klt.3/(15) bertarikh 13 Mac 1989 2. Surat JPA(S)63/17 Klt.5 (SV 6) bertarikh 15 April 2003 3. Surat JPA(S)63/17-1(27) bertarikh 3 Januari 2008 4. Surat JPA.SARAAN(S)63/180 Jld.3(50) bertarikh 11 Januari 2011 5. Surat JPA.SARAAN(S)63/180 Jld.4(24) bertarikh 19 Januari 2015 6. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Pindaan nama daripada Bayaran Insentif Pengajaran Kanak-kanak Berkeperluan Khas

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pengawal Trafik Udara																							
Tahun Pewujudan	1994																							
Objektif	Memastikan tugas kawalan trafik udara dijalankan secara cekap dan mematuhi prosedur yang ditetapkan.																							
Kriteria	Kelayakan																							
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.																							
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada pegawai yang mempunyai lesen kawalan trafik udara yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia dan menjalankan tugas kawalan trafik udara.																							
Kadar	<table><tr><th>Pegawai</th><th>Gred</th><th>Kadar sebulan (RM)</th></tr><tr><td rowspan="5">Pegawai Kawalan Trafik Udara</td><td>A14</td><td>1,200.00</td></tr><tr><td>A13</td><td>1,000.00</td></tr><tr><td>A12</td><td>900.00</td></tr><tr><td>A10</td><td>700.00</td></tr><tr><td>A9</td><td>600.00</td></tr><tr><td rowspan="3">Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara</td><td>A7</td><td>400.00</td></tr><tr><td>A6</td><td>350.00</td></tr><tr><td>A5</td><td>250.00</td></tr></table>			Pegawai	Gred	Kadar sebulan (RM)	Pegawai Kawalan Trafik Udara	A14	1,200.00	A13	1,000.00	A12	900.00	A10	700.00	A9	600.00	Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara	A7	400.00	A6	350.00	A5	250.00
Pegawai	Gred	Kadar sebulan (RM)																						
Pegawai Kawalan Trafik Udara	A14	1,200.00																						
	A13	1,000.00																						
	A12	900.00																						
	A10	700.00																						
	A9	600.00																						
Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara	A7	400.00																						
	A6	350.00																						
	A5	250.00																						
Penerima	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia																							
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Perenggan 2(a), Surat JPA(S)215/8/2-1(16) bertarikh 7 Mac 1994 2. Lampiran C6, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 3. Perenggan 2.2, Surat JPA(S)215/8/2-1 Klt.4 (5) bertarikh 21 Mac 2007 4. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.																							
Catatan	Dibaca bersama dengan Bayaran Insentif Rating Trafik Udara (Lampiran E4-U46).																							

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pengawasan Banduan
Tahun Pewujudan	2008
Objektif	Memastikan pengawasan banduan di institusi penjara dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada: 1. Penguasa Penjara, Penolong Penguasa Penjara dan Pegawai Penjara yang bertugas di Institusi Penjara*; dan 2. Pegawai Perkhidmatan Awam yang ditempatkan dan melaksanakan tugas secara sepenuh masa di Institusi Penjara seperti berikut: a. Pegawai Pergigian; b. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan; c. Pegawai Perubatan; d. Pegawai Psikologi; e. Jururawat; f. Penolong Pegawai Farmasi; g. Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam; h. Penolong Pegawai Latihan Vokasional; i. Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat; j. Penolong Pegawai Perubatan; k. Penolong Pegawai Psikologi; l. Penolong Pegawai Veterinar; m. Pembantu Hal Ehwal Islam; n. Pembantu Pegawai Latihan Vokasional; dan o. Pembantu Pembangunan Masyarakat.
Kadar	RM 200.00 sebulan
Agensi Terlibat	Jabatan Penjara Malaysia

Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)63/122/1-1 Klt.2/(37) bertarikh 9 Januari 2008 2. Surat JPA.SARAAN(S)63/122/1-1 Jld.6 (10) bertarikh 3 Oktober 2018 3. Surat JPA.SARAAN(S)63/122/1-1 Jld.7(3) bertarikh 24 Februari 2021 4. Surat JPA.SARAAN(S)63/122/1-1 Jld.7(15) bertarikh 8 Februari 2022 5. Surat JPA.(S).800-7/2/104 (2) bertarikh 17 Ogos 2022 6. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	*Institusi penjara adalah merujuk kepada tafsiran penjara sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Penjara 1995 (Akta 357)

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pengawasan Klien di PUSPEN
Tahun Pewujudan	2012
Objektif	Memastikan pengawasan klien di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada pegawai-pegawai yang ditempatkan dan terlibat secara langsung dalam pemulihan penagihan narkotik di PUSPEN seperti berikut: 1. Pegawai Antidadah Gred S9, S10, S12; 2. Penolong Pegawai Antidadah Gred S5, S6, S7; 3. Pembantu Antidadah Gred S1, S2; 4. Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S5; 5. Penolong Pegawai Perubatan Gred U5; 6. Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S1; 7. Pembantu Keselamatan Gred KP1; 8. Pembantu Penyediaan Makanan Gred N1; dan 9. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U1.
Kadar	RM 200.00 sebulan
Penerima	Agensi Antidadah Kebangsaan
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(BGE)324/14/31 Klt.2(17) bertarikh 20 Januari 2012 2. Surat JPA.SARAAN(S)63/30/15 Jld.2 (29) bertarikh 7 April 2022 3. Surat JPA.(S).800-7/2/95(3) bertarikh 22 November 2022 4. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Pindaan nama daripada Bayaran Insentif Pengawasan Pelatih di PUSPEN

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pengendali Anjing Terlatih
Tahun Pewujudan	1977
Objektif	Memastikan tugas pengendalian anjing terlatih dilaksanakan oleh pegawai dan anggota yang berkemahiran.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	- Memiliki kemahiran pengendalian anjing terlatih yang diiktiraf badan perkhidmatan; - Dilantik sebagai Pengendali Anjing Terlatih; dan - Menjalankan tugas bersama Anjing Terlatih sepertimana diarahkan oleh Ketua Jabatan seperti berikut: - Pegawai Bomba di Unit Pengesanan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. - Pegawai Penjara di Unit K9, Jabatan Penjara Malaysia. - Pembantu Penguasa Kastam di Unit K9, Jabatan Kastam Diraja Malaysia. - Pegawai Rendah Polis Gred Y1 hingga Y6 di Unit K9, Polis Diraja Malaysia. - Pegawai di Unit K9, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN). - Pegawai dan anggota Anggota Tentera Malaysia yang ditempatkan dalam Sel Latih dan Sel Gerak, Cawangan Serigala, Pusat Latihan Tempur Tentera Darat.
Kadar	- RM250.00 sebulan; dan - Tambahan kadar carilamat sebanyak RM30.00 bagi setiap operasi yang dijalankan, terhad kepada RM600.00 sebulan termasuk dengan kadar Bayaran Insentif Pengendali Anjing Terlatih sebagai kadar tetap kepada Pengendali Anjing Terlatih yang terlibat dengan operasi 'carilamat'.
Penerima	- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia - Jabatan Penjara Malaysia - Jabatan Kastam Diraja Malaysia

	4. Polis Diraja Malaysia 5. Jabatan PERHILITAN 6. Angkatan Tentera Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.5/(51) bertarikh 10 Julai 2007 2. Surat JPA(S)(BGE)63/164-1 Klt.6(28) bertarikh 26 Mac 2010 3. Surat JPA(S)63/122/1-1 Klt.4(5) bertarikh 26 Mac 2010 4. Surat JPA(S)215/8/2 Klt.5(10) bertarikh 29 Mac 2010 5. Surat JPA.(S).800/6/1/23 (33) bertarikh 5 Disember 2023 6. Surat JPA.(S).800/6/1/23 (34) bertarikh 5 Disember 2023 7. Surat JPA.(S).800/6/1/23 (35) bertarikh 5 Disember 2023 8. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Pindaan nama daripada Bayaran Insentif Ketukangan <i>Dog Handlers</i>

Nama Elaun	Bayaran Insentif Penguat Kuasa
Tahun Pewujudan	2001
Objektif	Memastikan tugas penguatkuasaan akta dan undang-undang dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada pegawai yang menjalankan aktiviti/operasi penguatkuasaan akta dan undang-undang di lapangan secara sepenuh masa.
Kadar	RM 200.00 sebulan
Penerima	Agensi dan skim perkhidmatan yang terlibat seperti di Jadual E4-U39 .
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)63/17/14(13) bertarikh 9 November 2001 2. Surat JPA(S)63/17/14-1(25) bertarikh 17 Mei 2002 3. Surat JPA(S)63/17/14-2(19) bertarikh 18 Mei 2004 4. Surat JPA(S)63/17/14-2(20) bertarikh 18 Mei 2004 5. Surat JPA(S)(BGE)63/17/17(10) bertarikh 28 Mei 2004 6. Surat JPA(S)471 Klt. 10(9) bertarikh 22 November 2005 7. Surat JPA(S)471 Klt.11(6) bertarikh 12 Oktober 2006 8. Surat JPA(S)63/159/6(35) bertarikh 16 Januari 2009 9. Surat JPA(S)63/17/15-1 Jld. 2 (2) bertarikh 14 Jun 2012 10. Surat JPA(SARAAN)(S)63/159/6-1(29) bertarikh 4 September 2012 11. Surat JPA.SARAAN(S)63/159/6-1 Jld.5(2) bertarikh 26 November 2014 12. Surat JPA.SARAAN(S)63/17/23 Jld.4(24) bertarikh 19 April 2016 13. Surat JPA.(S).800-7/2/110 Jld.2 (2) bertarikh 21 Ogos 2024 14. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Jadual E4-U39: Senarai Agensi dan Skim Perkhidmatan yang terlibat

Bil.	Agensi	Skim Perkhidmatan Terlibat
1.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ● Bahagian Penguat Kuasa	1. Pegawai Penguat Kuasa 2. Penolong Pegawai Penguat Kuasa 3. Pembantu Penguat Kuasa
2.	Kementerian Pengangkutan Malaysia ● Jabatan Pengangkutan Jalan	1. Pegawai Penguat Kuasa 2. Penolong Pegawai Penguat Kuasa 3. Pembantu Penguat Kuasa 4. Pemeriksa Kereta Motor
3.	Kementerian Dalam Negeri i. Pejabat Penapisan Filem (dahulu dikenali sebagai Bahagian Penapisan Filem). ii. Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan (dahulu dikenali sebagai Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran).	1. Pegawai Penguat Kuasa 2. Penolong Pegawai Penguat Kuasa 3. Pembantu Penguat Kuasa
	iii. Bahagian/Unit Penguatkuasaan, Jabatan Imigresen Malaysia	1. Penguasa Imigresen Gred KP9 hingga Gred KP14 2. Penolong Penguasa Imigresen Gred KP5 hingga Gred KP8 3. Pegawai Imigresen Gred KP1 dan Gred KP4
4.	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan ● Bahagian Pembangunan Industri Padi (dahulu dikenali sebagai Bahagian Kawalselia Padi dan Beras),	1. Pegawai Penguat Kuasa 2. Penolong Pegawai Penguat Kuasa 3. Pembantu Penguat Kuasa
5.	Kementerian Perlindungan dan Komoditi ● Lembaga Getah Malaysia	Penolong Pegawai Penguat Kuasa Gred KP5 dan Gred KP6

Bil.	Agensi	Skim Perkhidmatan Terlibat
6.	Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Jabatan Alam Sekitar (JAS)	Pegawai di JAS (Ibu pejabat) serta JAS Negeri dan Cawangan yang ditempatkan di Bahagian Operasi dan Bahagian Pembangunan (kecuali pegawai dan kakitangan yang menjalankan kerja-kerja pendidikan kesedaran alam sekitar secara sepenuh masa) seperti berikut: - Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C9, C10 - Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C5, C6, C7 - Penolong Jurutera Gred JA1, JA2, JA3, JA5
7.	Jabatan Wilayah Persekutuan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	- Pegawai Penguat Kuasa Gred KP9 hingga Gred KP13, - Penolong Pegawai Penguat Kuasa Gred KP5 hingga Gred KP8 - Pembantu Penguat Kuasa Gred KP1 hingga Gred KP4
8.	Kementerian Kesihatan Malaysia Ibu Pejabat KKM, Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Kesihatan Daerah, Pejabat Kesihatan Pintu Masuk dan Hospital (Unit Kesihatan Awam)	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U5 hingga U14
	Cawangan Farmasi, Penguatkuasaan dan Pelesenan	- Pegawai Farmasi - Penolong Pegawai Farmasi

Nama Elaun	Bayaran Insentif Penjagaan Warga Emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Orang Papa/Pesakit Mental di Institusi Kebajikan, Jabatan Kebajikan Masyarakat
Tahun Pewujudan	2022
Objektif	Memastikan penjagaan warga emas, orang kurang upaya dan orang papa/pesakit mental diuruskan dengan baik dan mematuhi prosedur yang ditetapkan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada pegawai yang terlibat secara langsung dan sepenuh masa dalam melaksanakan tugas perkhidmatan penjagaan dan perawatan kesihatan kepada warga emas, orang kurang upaya dan orang papa/pesakit mental seperti berikut: a. Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S1; dan b. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U1. 2. Tidak dibayar kepada pegawai yang menjalankan tugas-tugas pentadbiran dan pengurusan. 3. Pembayaran kepada pegawai di institusi kebajikan JKM seperti senarai di Jadual E4-U40.
Kadar	RM 200.00 sebulan
Tempoh Kelulusan	1 Disember 2024 - 31 Disember 2024
Agensi	Jabatan Kebajikan Masyarakat
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(63)/1/1-1 (K) Jld. 3 (1) bertarikh 29 November 2021 2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Jadual E4-U40: Senarai institusi kebajikan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang terlibat dengan pelaksanaan pemberian elaun ini:

Penghuni	Institusi Kebajikan
Warga Emas	1. Rumah Seri Kenangan Kangar 2. Rumah Seri Kenangan Bedong 3. Rumah Seri Kenangan Taiping 4. Rumah Seri Kenangan Ulu Kinta 5. Rumah Seri Kenangan Seri Iskandar 6. Rumah Seri Kenangan Cheras 7. Rumah Seri Kenangan Seremban 8. Rumah Seri Kenangan Cheng 9. Rumah Seri Kenangan Johor Bahru 10. Rumah Seri Kenangan Kemumin 11. Rumah Ehsan Kuala Kubu Bahru 12. Rumah Ehsan Dungun
Orang Kurang Upaya	1. Taman Sinar Harapan Jubli 2. Taman Sinar Harapan Tampoi 3. Taman Sinar Harapan Kuala Kubu Bharu 4. Taman Sinar Harapan Kuala Terengganu 5. Taman Sinar Harapan Seremban 6. Taman Sinar Harapan Cheras 7. Taman Sinar Harapan Jitra 8. Kompleks Sungai Buluh (Kompleks Penyayang Sungai Buluh)
Orang Papa/Pesakit Mental	1. Desa Bina Diri Mersing 2. Desa Bina Diri Jerantut 3. Desa Bina Diri Kuching 4. Desa Bina Diri Kota Kinabalu

Nama Elaun	Bayaran Insentif Perkhidmatan Bomba
Tarikh Pewujudan	2020
Objektif	Memastikan perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan sentiasa dalam keadaan siap sedia.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada semua Penguasa Bomba, Penolong Penguasa Bomba dan Pegawai Bomba di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
Kadar	RM200.00 sebulan
Penerima	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA.SARAAN(S)63/164-1 Jld.11(15) bertarikh 13 November 2019 2. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.

Nama Elaun	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kesihatan Udara								
Tahun Pewujudan	1978								
Objektif	Memastikan akses kepada perkhidmatan kesihatan di kawasan pedalaman dapat disediakan melalui perkhidmatan kesihatan udara.								
Kriteria	Penempatan								
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	Tidak tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.								
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada anggota perubatan yang terlibat dengan perkhidmatan kesihatan udara seperti berikut: 1. Pegawai Perubatan; 2. Penolong Pegawai Perubatan; 3. Jururawat; dan 4. Jururawat Masyarakat.								
Kadar	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Keadaan</th><th>Kadar (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Satu penerbangan pergi dan balik dalam sehari</td><td>30.00</td></tr> <tr> <td>Satu penerbangan pergi dan balik yang melibatkan hari berlainan</td><td>30.00</td></tr> <tr> <td>Dalam sehari melibatkan lebih daripada satu penerbangan</td><td>Bilangan penerbangan pergi dan balik x 30.00</td></tr> </tbody> </table>	Keadaan	Kadar (RM)	Satu penerbangan pergi dan balik dalam sehari	30.00	Satu penerbangan pergi dan balik yang melibatkan hari berlainan	30.00	Dalam sehari melibatkan lebih daripada satu penerbangan	Bilangan penerbangan pergi dan balik x 30.00
Keadaan	Kadar (RM)								
Satu penerbangan pergi dan balik dalam sehari	30.00								
Satu penerbangan pergi dan balik yang melibatkan hari berlainan	30.00								
Dalam sehari melibatkan lebih daripada satu penerbangan	Bilangan penerbangan pergi dan balik x 30.00								
Penerima	Kementerian Kesihatan Malaysia								
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Perenggan 36, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980 2. Surat JPA(SARAAN)262/10-2 (21) bertarikh 18 September 2008 3. Surat JPA(SARAAN)262/10-2 (44) bertarikh 20 November 2008 4. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.								

Nama Elaun	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal
Tahun Pewujudan	1992
Objektif	Mengiktiraf skim-skim perkhidmatan kritikal dalam menyokong dasar dan strategi pembangunan kerajaan.
Kriteria	Penempatan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Layak dibayar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) kepada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Pelaksana dalam 32 skim perkhidmatan seperti Jadual E4-U43 dan memenuhi semua syarat seperti berikut: - Mempunyai kelayakan/kelulusan yang disyaratkan dalam skim-skim perkhidmatan yang telah ditetapkan; - Dilantik sebagai pegawai tetap/sementara/kontrak (pegawai kontrak dari dalam dan luar negara) dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang telah ditetapkan; dan - Menggunakan kelayakan/kelulusan yang dimilikinya untuk menjalankan deskripsi tugas skim perkhidmatan yang telah ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal. Tidak layak dibayar BIPK dalam keadaan berikut: - pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang berada dalam tempoh pemangkuan dan memangku jawatan Gred Utama/Gred Khas; dan - pegawai yang menjalankan tugas-tugas hakiki lain selain yang disenaraikan dalam skim perkhidmatannya seperti tugas pentadbiran, pengurusan personel, perhubungan awam dan perkhidmatan kaunter. - Ketua Jabatan perlu mengesahkan pegawai berkenaan melaksanakan tugas yang melayakkan pemberian BIPK berdasarkan kriteria dan syarat pemberian yang ditetapkan.

Kadar	1. Penerima sedia ada: a. Kadar tetap berdasarkan amaun terakhir BIPK yang diterima sebelum tarikh kuat kuasa SSPA. b. Penerima sedia ada yang menerima kadar pegun BIPK yang lebih rendah daripada kadar tetap baharu BIPK pegawai akan menerima kadar BIPK pada kadar tetap baharu. 2. Penerima lantikan baharu/pegawai sedia ada yang baru berkecualan menerima kadar tetap berikut: <table><tr><th>Kumpulan Perkhidmatan</th><th>Gred</th><th>BIPK (RM) sebulan</th></tr><tr><td>Pengurusan dan Profesional*</td><td>9 - 15</td><td>165.00</td></tr><tr><td rowspan="2">Pelaksana</td><td>5 - 8</td><td>150.00</td></tr><tr><td>1 - 4</td><td>135.00</td></tr></table> *6 skim perkhidmatan menerima kadar tetap sedia ada sebanyak RM750.00 sebulan iaitu Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pegawai Farmasi, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah Farmasi.	Kumpulan Perkhidmatan	Gred	BIPK (RM) sebulan	Pengurusan dan Profesional*	9 - 15	165.00	Pelaksana	5 - 8	150.00	1 - 4	135.00
Kumpulan Perkhidmatan	Gred	BIPK (RM) sebulan										
Pengurusan dan Profesional*	9 - 15	165.00										
Pelaksana	5 - 8	150.00										
	1 - 4	135.00										
Penerima	Terhad kepada 32 Skim Perkhidmatan seperti di Jadual E4-U43											
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA.SARAAN(S)63/158 Klt.15(11) bertarikh 7 Ogos 2019 2. Surat JPA.SARAAN(S)63/158 Jld.15(16) bertarikh 9 Januari 2020 3. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.											

Jadual E4-U43: Senarai Skim Perkhidmatan Kritikal dan Syarat Khusus BIPK

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	SYARAT KHUSUS
1.	Pegawai Laut	-
2.	Penolong Pegawai Laut	-
3.	Pegawai Kawalan Trafik Udara	-
4.	Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara	-
5.	Pemeriksa Kapal Terbang	-
6.	Penolong Pemeriksa Kapal Terbang	-
7.	Juruterbang/Pemeriksa Kapal Terbang	-
8.	Penerbit Rancangan	-
9.	Pensyarah Perubatan	Bagi skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian, bidang-bidang yang layak BIPK ditentukan berasaskan kepada kelayakan yang diperolehi pegawai berkenaan pada peringkat Sarjana/PhD dan bukannya peringkat ijazah pertama.
10.	Pensyarah Pergigian	
11.	Pensyarah Farmasi	
12.	Pensyarah Universiti (Kejuruteraan, Perundangan, Kejururawatan, Ukur Bahan, Seni Bina)	
13.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Kejuruteraan)	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Kejuruteraan) dan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (Kejuruteraan) yang mengajar di sekolah menengah perlu memenuhi syarat waktu minimum mengajar sekurang-kurangnya 15 waktu seminggu.
14.	Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (Kejuruteraan, Ukur Bahan dan Seni bina)	
15.	Pembantu Pegawai Latihan Vokasional/Penolong Pegawai Latihan Vokasional/Pegawai Latihan Vokasional	-
16.	Pegawai Ehwat Ekonomi (MIDA dan MATRADE)	-
17.	Pegawai Pertanian (Kejuruteraan)	-
18.	Pegawai Perikanan (Kejuruteraan)	-
19.	Arkitek	-
20.	Jurutera	-
21.	Juruukur Bahan	-

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	SYARAT KHUSUS
22.	Pemeriksa Kilang dan Jentera	-
23.	Penolong Pemeriksa Kilang dan Jentera	-
24.	Penjaga Jentera Elektrik	-
25.	Pegawai Undang-Undang	-
26.	Pegawai Penyelidik	-
27.	Pegawai Perubatan	-
28.	Pegawai Pergigian	Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang mengikuti Program Kepakaran Sarjana Perubatan/ Sarjana Pergigian/ Sub-kepakaran/ <i>Parallel Pathway</i> yang dilaksanakan dalam negara mengikut Sistem Bersepadu layak dibayar BIPK.
29.	Pegawai Farmasi	-
30.	Jururawat	Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan yang sedang mengikuti kursus Pos Basik yang dikendalikan KKM layak dibayar BIPK.
31.	Penolong Pegawai Perubatan	
32.	Pengajar (Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan)	-

Nama Elaun	Bayaran Insentif Pos Basik
Tahun Pewujudan	2007
Objektif	Memastikan penyampaian perkhidmatan perubatan dan kesihatan adalah berkualiti dilaksanakan oleh anggota kesihatan yang terlatih.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian syarat umum pemberian elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	1. Dibayar kepada anggota paramedik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang mempunyai kelulusan sijil/diploma lanjutan dan berkhidmat dalam bidang penjagaan kritikal dan pengkhususan klinikal yang diiktiraf tertakluk kepada syarat-syarat berikut: - Hanya satu (1) Bayaran Insentif Pos Basik (BIPB) yang boleh diterima oleh anggota paramedik walaupun mempunyai lebih daripada satu (1) sijil/diploma lanjutan pos basik; - Anggota paramedik yang memiliki sijil pos basik tanpa mengira tempat pegawai bertugas selagi pegawai menggunakan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang pos basik yang dimiliki dalam menjalankan tugas; - Anggota paramedik yang bertugas merawat pesakit psikiatri, tibi dan kusta serta memiliki sijil/diploma lanjutan pos basik hanya layak satu jenis elaun sahaja yang mana lebih tinggi; - Penolong Pegawai Perubatan yang bertugas sepenuh masa di bilik mayat dan memiliki sijil pos basik dalam bidang forensik hanya boleh dibayar salah satu jenis elaun sahaja yang mana lebih tinggi; dan - Penolong Pegawai Perubatan yang menjalankan tugas pembiusan di hospital di Sabah dan Sarawak serta memiliki sijil pos basik dalam bidang anesthesia, hanya layak dibayar salah satu daripada bayaran insentif tersebut. 2. Senarai bidang penjagaan kritikal dan pengkhususan klinikal yang diiktiraf bagi tujuan pembayaran BIPB perlu dirujuk kepada KKM.

Kadar	RM100.00 sebulan
Penerima	1. Kementerian Kesihatan Malaysia 2. Kementerian Pendidikan Tinggi
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Surat JPA(S)(BGE)63/111/1Klt.5(13) bertarikh 27 September 2007 2. Surat JPA(SARAAN)262/10-2(49) bertarikh 28 November 2008 3. Surat JPA.SARAAN(S)63/111/1-1 (11) bertarikh 30 Mac 2011 4. Surat JPA.SARAAN(S)63/111/1-1 (36) bertarikh 30 Mac 2012 5. Surat JPA.SARAAN(S)63/111/1-1(44) bertarikh 4 Julai 2012 6. Surat JPA.SARAAN(S)63/111/1-1Jld.3(9) bertarikh 29 Januari 2015 7. Surat JPA.SARAAN(S)63/111/1-1Jld.3(18) bertarikh 29 Julai 2016 8. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Bagi BIPB untuk bidang yang tidak termasuk dalam senarai kursus Pos Basik, perlu mendapat kelulusan mesyuarat Lembaga Pendidikan KKM.

Nama Elaun	Bayaran Insentif Rating Pemeriksa Kapal Terbang		
Tahun Pewujudan	1980		
Objektif	Memastikan tugas pengujian pesawat dilaksanakan oleh pegawai dan anggota yang berkelayakan mengikut prosedur yang ditetapkan.		
Kriteria	Kelayakan		
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.		
Syarat Kelayakan	Dibayar kepada Pemeriksa Kapal Terbang berdasarkan jenis pesawat dan bilangan <i>type rating</i> mengikut klasifikasi pesawat-pesawat udara dan hendaklah menjalankan tugas-tugas pemeriksaan ke atas pesawat-pesawat udara.		
Kadar	Kadar mengikut klasifikasi kapal terbang dan lesen <i>type rating</i> seperti berikut:		
	Klasifikasi Kapal Terbang	Type Rating	Kadar Sebulan (RM)
	Kapal terbang besar (Berat badan >12,500 lb)	1 <i>type rating</i>	800.00
		2 <i>type rating</i> ke atas	1,600.00
	Kapal terbang sederhana (Berat badan 6,000 – 12,500 lb)	1 <i>type rating</i>	350.00
		3 <i>type rating</i> ke atas	1,050.00
	Kapal terbang (Berat badan < 6,000 lb)	1 <i>type rating</i>	250.00
		3 <i>type rating</i> ke atas	750.00
	Helikopter/ <i>Non-Destructive Testing</i> (NDT)/ <i>Flight Information System</i> (FIS)	1 <i>type rating</i>	450.00
		2 <i>type rating</i> ke atas	900.00
Penerima	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia		

Pembatalan PP/SPP/SE	1. Perenggan 1(b), Surat JPA 535/74/7sk/Gaji/(59) bertarikh 2 Februari 1980 2. JPA(S)215/8/2-1(41) bertarikh 28 Oktober 1994 3. Perenggan 2.1(ii), Surat JPA(S)215/8/2-1 Klt.4(5) bertarikh 21 Mac 2007 4. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.
Catatan	Dibaca bersama dengan Bayaran Insentif Tugas Memeriksa Pesawat Penerbangan Awam (Lampiran E4-U54).

Nama Elaun	Bayaran Insentif Rating Trafik Udara
Tahun Pewujudan	1994
Objektif	Memastikan keselamatan aliran trafik udara dikawal selia dengan cekap dan teratur.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
Syarat Kelayakan	Layak dibayar kepada Pegawai Kawalan Trafik Udara (PKTU) dan Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara (PPKTU) yang memenuhi kriteria-kriteria berikut: 1. PKTU dan PPKTU yang menjalankan tugas di salah satu posisi dan terlibat dalam giliran kerja adalah layak dibayar Bayaran Insentif Rating Trafik Udara (BIRTU) berdasarkan tempoh masa kerja kumulatif yang tertinggi di antara posisi pada bulan berkenaan; 2. pegawai yang menjalankan tugas-tugas pengurusan atau fungsi-fungsi bukan kawalan trafik udara hanya layak dibayar BIRTU setelah bertugas secara giliran kerja sekurang-kurangnya sebanyak 24 jam secara kumulatif atau berturut-turut dalam tempoh sebulan di sesuatu posisi; dan 3. bagi tujuan pembayaran BIRTU kepada pegawai yang menjalankan tugas-tugas pengurusan atau fungsi-fungsi bukan kawalan trafik udara, perlu mendapatkan kelulusan untuk menjalankan fungsi-fungsi kawalan trafik udara daripada Ketua Pegawai Eksekutif CAAM.

Kadar	<table><tr><th>Tempat (Posisi)</th><th>Kadar Sebulan (RM)</th></tr><tr><td>Approach Control (Radar)</td><td>750.00</td></tr><tr><td>Area Control (Radar), Surface Movement Radar</td><td>600.00</td></tr><tr><td>Area Control</td><td>450.00</td></tr><tr><td>Approach (Procedural)</td><td>350.00</td></tr><tr><td>SMC, Aerodrome Control, Aerodrome Co-Ordinator, Clearance Delivery, Tower Area/Approach Flight Data</td><td>200.00</td></tr></table>	Tempat (Posisi)	Kadar Sebulan (RM)	Approach Control (Radar)	750.00	Area Control (Radar), Surface Movement Radar	600.00	Area Control	450.00	Approach (Procedural)	350.00	SMC, Aerodrome Control, Aerodrome Co-Ordinator, Clearance Delivery, Tower Area/Approach Flight Data	200.00
	Tempat (Posisi)	Kadar Sebulan (RM)											
	Approach Control (Radar)	750.00											
	Area Control (Radar), Surface Movement Radar	600.00											
	Area Control	450.00											
	Approach (Procedural)	350.00											
	SMC, Aerodrome Control, Aerodrome Co-Ordinator, Clearance Delivery, Tower Area/Approach Flight Data	200.00											
Penerima	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia												
Pembatalan PP/SPP/SE	1. Perenggan 3(b)(iv), surat JPA(S)215/8/2-1/(16) bertarikh 7 Mac 1994 2. Surat JPA(S)215/8/2-1 Klt.2(67) bertarikh 8 Januari 1999 3. Perenggan 2.2 (ii), Surat JPA(S)215/8/2-1 Klt.4 (5) bertarikh 21 Mac 2007 4. Surat JPA.(S).800.7/2/146 (2) bertarikh 9 Oktober 2023 5. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh JPA sebelum ini.												
Catatan	1. Dibaca bersama dengan Bayaran Insentif Pengawal Trafik Udara (Lampiran E4-U35). 2. Istilah satu giliran kerja dalam surat bertarikh 7 Mac 1994 dibatalkan.												

Nama Elaun	Bayaran Insentif Rawatan Kecemasan (Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia)
Tahun Pewujudan	2007
Objektif	Memastikan rawatan awal kecemasan dikendalikan dengan berkesan oleh pegawai bomba yang berkeelayakan.
Kriteria	Kelayakan
Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun	Tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.
